



# PEMBERIAN PERKHIDMATAN SEJAGAT LAPORAN TAHUNAN 2021



UNIVERSAL SERVICE PROVISION ANNUAL REPORT 2021 | PEMBERIAN PERKHIDMATAN SEJAGAT LAPORAN TAHUNAN 2021



SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA  
MALAYSIAN COMMUNICATIONS AND MULTIMEDIA COMMISSION

MCMC HQ Tower 1  
Jalan Impact, Cyber 6  
63000 Cyberjaya  
Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Tel: +60 3 8688 8000  
Fax: +60 3 8688 1000  
Email: scird@mcmc.gov.my

[www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my)

## **KEPERLUAN BERKANUN**

Menurut Peraturan 36, Peraturan-Peraturan Komunikasi dan Multimedia (Pemberian Perkhidmatan Sejagat) 2002 ("Peraturan-Peraturan PPS"), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia dengan ini menerbitkan dan telah menyerahkan satu salinan laporan ini bersama penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 kepada Menteri Komunikasi dan Multimedia.

## RASIONAL MUKA DEPAN

MCMC menerajui industri pembangunan infrastruktur digital di Malaysia, dan memainkan peranan penting dalam memupuk generasi baharu dan menggalakkan mereka menyumbang dan terlibat secara aktif dalam masa depan digital.

Pengetahuan dan pendidikan tidak mengenal sempadan, dan tidak terbatas di dalam bilik darjah sahaja. Imej seorang guru memegang peranti digital ditemani pelajarnya dalam kehijauan sawah padi menggambarkan kesenangan melakukan pelbagai aktiviti pembelajaran menerusi usaha pendigitalan. Hal ini jelas menunjukkan pembelajaran mahupun mengakses maklumat boleh dilakukan di mana-mana sahaja pada bila-bila masa dengan memanfaatkan teknologi baharu sepenuhnya.

MCMC berhasrat untuk membawa Malaysia melangkah ke hadapan melalui pengalaman digital dan teknologi yang menakjubkan. Latar belakang pula dihiasi dengan ikon-ikon yang mewakili pelbagai jenis kesalinghubungan dan teknologi yang boleh dinikmati di hujung jari pengguna, seperti WiFi dan Internet.



# ISI KANDUNGAN

<b>01 PERUTUSAN PENGERUSI</b>	<b>2</b>
<b>02 GAMBARAN KESELURUHAN INISIATIF-INISIATIF YANG SEDANG DAN TELAH SIAP DILAKSANAKAN</b>	<b>6</b>
<b>03 INISIATIF-INISIATIF DI BAWAH PERATURAN 5, PERATURAN- PERATURAN PPS 2022</b>	<b>10</b>
Pelawaan bagi Pelaksanaan Menara-menara Komunikasi Baharu	12
Capaian Jalur Lebar Tanpa Wayar (BWA) melalui Ketersambungan Satelit	16
Pusat Ekonomi Digital Keluarga Malaysia (PEDi)	19
<b>04 INISIATIF-INISIATIF DI BAWAH PERATURAN 36A, PERATURAN- PERATURAN PPS 2022</b>	<b>24</b>
Inisiatif-Inisiatif Penyumbang Utama	26
Naik Taraf Rangkaian Capaian Jalur Lebar Tembaga Sedia Ada kepada Rangkaian Capaian Jalur Lebar Gentian Optik	30
Pelaksanaan Jalur Lebar Talian Tetap (Jalur Lebar Pingir Bandar dan Bandar)	33
<b>05 KUMPULAN WANG PPS</b>	<b>34</b>
<b>06 PENYATA KEWANGAN</b>	<b>40</b>

Bab

# 01

## PERUTUSAN PENGERUSI





**DATO' DR. FADHLULLAH SUHAIMI ABDUL MALEK**  
Pengerusi  
Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia

Saya dengan rasa bangga ingin membentangkan kemajuan dan pencapaian hasil pelaksanaan inisiatif-inisiatif infrastruktur dan perkhidmatan rangkaian di bawah Pemberian Perkhidmatan Sejagat (PPS) bagi tahun 2021.

Laporan PPS 2021 ini, berserta penyata kewangan, merupakan satu penerbitan tahunan menurut Peraturan 36 yang terkandung dalam Peraturan-Peraturan Komunikasi dan Multimedia (Pemberian Perkhidmatan Sejagat (PPS)) 2002.

2021 merupakan tahun kedua merealisasikan aspirasi Kerajaan melalui pelaksanaan program Jalinan Digital Negara (JENDELA). Pelan tindakan JENDELA ini dirangka pada pertengahan kedua tahun 2020 untuk menyediakan liputan yang lebih luas dan pengalaman jalur lebar yang lebih berkualiti menerusi pelbagai inisiatif, terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar, pedalaman dan miskin bandar.

Program JENDELA ini bermatlamat untuk mencapai sasaran negara, iaitu 96.9% liputan mudah alih 4G (di kawasan-kawasan berpenduduk) dengan kelajuan purata 35 Mbps; dan 7.5 juta premis mempunyai capaian kepada perkhidmatan jalur lebar berdasarkan gentian optik di seluruh negara menjelang penghujung tahun 2022.

Sejak suku pertama tahun 2021, beberapa inisiatif PPS telah dirancang dan dilaksanakan bagi menyokong program JENDELA. Inisiatif-inisiatif ini melibatkan pembinaan 362 menara komunikasi baharu; penaiktarafan 5,394 pemancar; sambungan gentian optik di 426 menara komunikasi sedia ada; pemasangan capaian gentian optik ke 180,014 premis; pemasangan dua sistem kabel dasar laut dari tanah Semenanjung ke dua buah pulau tempatan; dan pada masa yang sama menamatkan rangkaian 3G di menara-menara komunikasi sedia ada secara berperingkat di seluruh negara menjelang hujung tahun (sebagai sebahagian daripada inisiatif penambahbaikan kualiti 4G). Usaha ini adalah tambahan kepada pelaksanaan inisiatif-inisiatif lain yang telah dikenal pasti sebelum ini di bawah PPS, yang bermula pada tahun 2020.

Memandangkan norma baharu telah menyebabkan permintaan terhadap perkhidmatan digital semakin meningkat, Suruhanjaya menyedari situasi dan cabaran yang dihadapi dalam usaha meningkatkan capaian jalur lebar dan kualiti pengalaman pengguna. Suruhanjaya komited untuk melaksanakan program JENDELA dan secara berterusan menangani isu-isu berkaitan capaian yang dihadapi oleh komuniti di seluruh negara, termasuk mereka yang tinggal di kawasan-kawasan pedalaman.

Pada suku ketiga tahun 2021, Suruhanjaya telah mempercepatkan pelaksanaan perkhidmatan WiFi menggunakan teknologi satelit di kawasan pedalaman, yang pada asalnya dirancang untuk dilaksanakan pada tahun 2023. Sejumlah 839 lokasi WiFi telah dikenal pasti bagi kawasan pedalaman di lapan (8) negeri, iaitu Johor, Kelantan, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Sabah, Sarawak dan Selangor.

Pada penghujung tahun 2021, saya dengan sukacitanya melaporkan bahawa sejumlah 437 lokasi telah berjaya disediakan perkhidmatan WiFi tersebut, manakala bakinya akan disiapkan dalam tahun 2022. Dengan tersedianya capaian jalur lebar kepada komuniti setempat, kami berharap Rakyat akan memperolehi manfaat berikutnya peningkatan tahap kesejahteraan sosio-ekonomi, di samping mempunyai pengalaman aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran di rumah yang lebih baik.

Melaksanakan inisiatif-inisiatif di kawasan-kawasan ini bukanlah sesuatu yang mudah dan memerlukan usaha dan penat jerih daripada semua pihak yang terlibat, terutamanya komuniti yang memerlukan perkhidmatan yang lebih baik. Suruhanjaya, walau bagaimanapun, tetap akan terus berusaha dan sentiasa komited untuk menambah baik kesalinghubungan internet negara bagi memastikan semua orang dapat menikmati perkhidmatan komunikasi dan jalur lebar yang lebih baik di seluruh negara.

Kami percaya bahawa penyediaan infrastruktur digital yang ada di mana-mana sahaja dapat membawa impak yang besar kepada Rakyat, baik dalam aspek sosial maupun ekonomi. Perkhidmatan Internet amat penting bagi masa hadapan. Hal ini sejarah dan sudah pastinya akan menyokong aspirasi Kerajaan untuk mentransformasikan Malaysia sebagai sebuah negara yang berteknologi dan berpendapatan tinggi dan seterusnya memberikan kehidupan yang lebih bermutu untuk Rakyat.

# PERUTUSAN PENGERUSI



Bab

# 02

## GAMBARAN KESELURUHAN INISIATIF-INISIATIF YANG SEDANG DAN TELAH SIAP DILAKSANAKAN



## GAMBARAN KESELURUHAN INISIATIF-INISIATIF YANG SEDANG DAN TELAH SIAP DILAKSANAKAN



Bab

# 03

## **INISIATIF-INISIATIF DI BAWAH PERATURAN 5, PERATURAN-PERATURAN PPS 2002**



# PELAWAAN BAGI PELAKSANAAN MENARA-MENARA KOMUNIKASI BAHARU

Pada 15 Januari 2021, Suruhanjaya telah mengeluarkan satu pelawaan terbuka di bawah Peraturan 5, Peraturan-Peraturan PPS 2002 kepada semua pemegang lesen untuk mengambil bahagian dalam pelaksanaan menara komunikasi baharu di 1,661 lokasi, dan ini merupakan kali pertama Suruhanjaya melaksanakan satu projek PPS dengan jumlah lokasi yang sangat banyak pada satu masa.

Daripada jumlah lokasi tersebut, sebanyak 641 lokasi terletak di Semenanjung; dan 1,020 lokasi dirancang untuk Wilayah Persekutuan Labuan, Sabah dan Sarawak.



Projek ini bertujuan untuk merapatkan jurang digital antara masyarakat bandar dengan luar bandar dan terpencil serta untuk menangani masalah liputan. Menjelang siapnya projek ini, projek ini akan memberi impak yang besar pada liputan dan kualiti perkhidmatan (selular awam dan jalur lebar mudah alih). Para pengguna khususnya mereka yang tinggal di kawasan luar bandar dan terpencil akan menikmati kelajuan jalur lebar pada purata 35 Mbps. Ini adalah sejajar dengan sasaran JENDELA untuk mempertingkatkan liputan 4G kepada 96.9% menjelang 2022.


Secara umumnya, terdapat beberapa kriteria pemilihan tapak dan lokasi selain kriteria bagi mengenal pasti pelaksanaan menara komunikasi baharu, seperti berikut:

1. Maklumat daripada Pejabat Negeri MCMC;
2. Aduan daripada orang awam; dan
3. Laporan-laporan teknikal dan kewangan berdasarkan tinjauan tapak sebenar oleh perunding bebas yang dilantik oleh Suruhanjaya;



Rajah 1: Pengagihan 1,661 Lokasi Menara Komunikasi Baharu

Skop kerja Pemberi Perkhidmatan Sejagat Dinamakan (PPSD) bagi pelaksanaan menara komunikasi baharu di Rajah 2:



Rajah 2: Skop Kerja Pemberi Perkhidmatan Sejagat Dinamakan (PPSD) bagi Pelaksanaan Menara Komunikasi Baharu

Negeri	Jumlah Lokasi
Sarawak	636
Sabah	382
Pahang	191
Johor	107
Perak	105
Kedah	67
Terengganu	65
Kelantan	54
Negeri Sembilan	27
Selangor	17
Melaka	7
Wilayah Persekutuan Labuan	2
Pulau Pinang	1
<b>JUMLAH</b>	<b>1,661</b>

Jadual 1: Jumlah Lokasi Menara Komunikasi Baharu mengikut Negeri



## MENARA KOMUNIKASI BAHARU DI LIPIS, PAHANG

Projek ini adalah sebahagian daripada usaha Suruhanjaya untuk meningkatkan kualiti dan liputan perkhidmatan komunikasi dan multimedia di Malaysia, berdasarkan objektif yang termaktub di bawah sub peraturan 3(1) Peraturan PPS, dengan:

- Meluaskan liputan 4G di kawasan berpenduduk di seluruh negara kepada 96.9%; dan
- Meningkatkan purata kelajuan jalur lebar mudah alih daripada 25Mbps kepada 35Mbps.

Sejak beberapa dekad lalu, keenakan gula kabung, pemanis semula jadi daripada tandan bunga pokok palma yang belum mekar, yang dihasilkan oleh keluarga Abu Johar Sudin di Kampung Peruang, Benta, Pahang hanya dikenali oleh penduduk setempat. Tetapi kini, perniagaan mereka yang telah diusahakan selama 45 tahun oleh Pak Abu, berumur 65 tahun sejak beliau berusia 20 tahun bagi menyara hidup dan menampung kos pendidikan tujuh orang anaknya, telah menerima permintaan yang amat menggalakkan daripada pelanggan di seluruh negara setelah perniagaan mereka diperkembangkan melalui pelbagai platform media sosial.

Anak perempuan bongsu Abu Johar, Marzaitul Husna, 28 tahun, bersama abangnya Mohd Azizul, 31 tahun, menceritakan bahawa mereka telah memasarkan produk secara aktif menerusi pelbagai aplikasi namun mereka tidak menyangka akan menerima sambutan yang begitu menggalakkan.

Usaha pemasaran dalam talian dapat direalisasikan melalui pelaksanaan menara komunikasi baharu yang menyediakan perkhidmatan 4G di kawasan tersebut. Hasilnya, keluarga ini telah menerima banyak tempahan daripada pelanggan.

PURATA KELAJUAN JALUR LEBAR MUDAH ALIH

**25** kepada **35**  
Mbps Mbps

4G LIPUTAN  
**96.9%**  
di kawasan berpenduduk



Pak Abu, merupakan seorang pengusaha gula kabung – gambar The Star

## CAPAIAN JALUR LEBAR TANPA WAYAR (BWA) MELALUI KETERSAMBUNGAN SATELIT

Dalam usaha menyediakan capaian jalur lebar di kawasan-kawasan yang kurang mendapat liputan perkhidmatan, terutamanya di kawasan luar bandar dan pedalaman, Suruhanjaya telah melaksanakan inisiatif Capaian Jalur Lebar Tanpa Wayar melalui Ketersambungan Satelit yang merupakan satu langkah bersifat sementara sebagai penyelesaian segera bagi isu berkaitan kesalinghubungan di kawasan pedalaman yang mempunyai bentuk muka bumi yang mencabar di mana penyelesaian berjangka panjang untuk penyediaan perkhidmatan selular awam dan jalur lebar mudah alih akan mengambil masa yang agak lama, dan bergantung kepada kepadatan penduduk dan bentuk muka bumi.

Di bawah projek ini, sejumlah 839 lokasi telah dikenal pasti di seluruh negara termasuk – Johor, Kelantan, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Selangor, Sabah dan Sarawak. Lokasi-lokasi ini merangkumi penempatan Orang Asli di Semenanjung, dan kawasan pedalaman di Sabah dan Sarawak. Perkhidmatan capaian jalur lebar akan disediakan berdasarkan capaian secara kolektif dengan memasang *hotspot* WiFi awam, berkadar dengan bilangan penduduk dan pengagihan di setiap lokasi. Pengguna di setiap lokasi akan menikmati WiFi percuma pada purata kelajuan 35Mbps. Perkhidmatan ini akan memanfaatkan komuniti setempat malah turut merealisasikan agenda negara untuk merapatkan jurang digital.




Peningkatan permintaan bagi penggunaan Internet telah menjadi satu kemestian semasa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula pada bulan Mac 2020 bagi komuniti menjalankan program Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR), bekerja dari rumah dan aktiviti sosio-ekonomi. Untuk menjalani norma baharu ini, ketersediaan perkhidmatan internet di kawasan luar bandar dan pedalaman menjadi lagi kritikal dan penting. Sasaran projek ini adalah untuk mengutamakan penggunaan WiFi bagi PdPR dan menyediakan peluang dan sokongan bagi aktiviti sosio-ekonomi melalui platform digital.

Projek ini adalah sebahagian daripada pelan JENDELA dan telah dilaksanakan oleh pemberi perkhidmatan sejagat dinamakan (PPSD) sejak bulan September tahun 2021 menurut Peraturan 5, Peraturan-Peraturan PPS 2002.

Terdapat beberapa faktor yang melambatkan proses pelaksanaan projek ini seperti banjir, perubahan penempatan Orang Asli, kesukaran memasuki sesuatu lokasi, cabaran bentuk muka bumi dan ketiadaan sumber bekalan tenaga yang stabil. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya bekerjasama dengan pemberi perkhidmatan sejagat dinamakan (PPSD) dan sentiasa komited untuk mengatasi cabaran-cabaran ini bagi memastikan tiada sesiapa yang tercicir daripada menikmati perkhidmatan komunikasi dan jalur lebar.

Setakat 31 Disember 2021, pemasangan kemudahan rangkaian di 437 lokasi telah siap dilaksanakan, dan perkhidmatan jalur lebar kini sudah tersedia untuk pengguna.



Negeri	Jumlah Lokasi	Jumlah Siap Dilaksanakan
Johor	11	8
Kelantan	18	–
Negeri Sembilan	2	2
Pahang	69	8
Perak	73	47
Selangor	5	5
Sabah	138	44
Sarawak	523	323
<b>JUMLAH</b>	<b>839</b>	<b>437</b>

Nota: \* Baki 402 lokasi akan siap dilaksanakan pada tahun 2022

*Jadual 2: Bilangan Lokasi mengikut Negeri*

## CAPAIAN JALUR LEBAR TANPA WAYAR (BWA) MELALUI KETERSAMBUNGAN SATELIT DI KAMPUNG ORANG ASLI SUNGAI JUDAH, PULAU CAREY



66

*Kini saya boleh menggunakan perkhidmatan WiFi yang disediakan di bawah projek BWA untuk kelas dalam talian dan menyiapkan tugas dengan lancar hanya berada di rumah tanpa keluar ke pekan semata-mata untuk mendapatkan perkhidmatan Internet. Terima kasih kepada MCMC kerana melaksanakan projek ini, ia meringankan beban penduduk setempat terutamanya pelajar seperti saya.*

*Rokna Zaidi, 23 tahun,  
pelajar Universiti Malaysia  
Kelantan*

77



Antara projek BWA yang dijalankan di kawasan pendalamatan Sarawak – gambar MCMC

Projek ini adalah sebahagian daripada usaha Suruhanjaya untuk memperluaskan liputan jalur lebar bagi menangani keperluan menyediakan perkhidmatan di kawasan yang terpencil, mempunyai kepadatan penduduk yang amat rendah, serta kesalinghubungan terestrial dan gentian optik tidak tersedia dan mencabar untuk dilaksanakan mahupun dikekalkan di Malaysia, menurut objektif-objektif yang telah ditetapkan dalam subperaturan 3(i) Peraturan PPS.

Penyediaan perkhidmatan di kawasan ini merupakan satu penyelesaian bersifat sementara (bagi tempoh dua tahun) supaya mereka yang tinggal di kawasan yang kurang mendapat liputan boleh mendapatkan capaian dalam kadar segera, dengan mengambil kira kesan daripada pandemik COVID-19 dan cabaran yang berkaitan dalam menjalankan aktiviti sosio-ekonomi.

Projek ini menyediakan perkhidmatan WiFi kepada para pengguna sebagai langkah interim, dan pada masa yang sama, Suruhanjaya membuat perancangan jangka panjang yang lebih mampan.

## PUSAT EKONOMI DIGITAL KELUARGA MALAYSIA (PEDI)

PEDi, mula beroperasi sejak tahun 2007, dibiayai sepenuhnya oleh MCMC melalui Kumpulan Wang Pemberian Perkhidmatan Sejagat (PPS).

PEDi bertujuan untuk memperkasa komuniti setempat ke arah meningkatkan taraf sosio-ekonomi mereka. Inisiatif ini telah berkembang dalam tempoh kebelakangan tahun ini daripada menyediakan capaian internet secara kolektif di kawasan yang kurang mendapat liputan kepada penyediaan perkhidmatan tambahan lain yang berpelbagai.



Inisiatif ini juga berfungsi untuk membangunkan golongan B40, termasuk golongan miskin bandar melalui pelbagai program pembangunan komuniti yang berkaitan dengan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), keusahawanan, multimedia dan program kesedaran seperti Klik Dengan Bijak (KDB) dan Akta Perlindungan Data Peribadi. Program-program latihan dan peningkatan kemahiran ini dikendalikan oleh kakitangan PEDi, dan disediakan secara percuma atau pada kos yang minimum kepada pengguna berdaftar. Perkhidmatan lain yang disediakan di PEDi termasuklah perkhidmatan percetakan, laminasi, fotokopi dan pengimbasan dengan caj yang minimum.

Memandangkan para pengguna sedang beralih ke arah pendigitalan terutamanya melalui aktiviti e-dagang dan perbankan dalam talian, PEDi telah bergerak ke hadapan di kalangan penduduk setempat dengan menawarkan latihan keusahawanan digital kepada para usahawan. Oleh itu, selari dengan usaha menampung keperluan pendigitalan dan mempercepatkan pembangunan ekonomi digital, Suruhanjaya telah menransformasikan


Pusat Ekonomi Digital Keluarga Malaysia (PEDi), yang sebelum ini dikenali sebagai Pusat Internet Komuniti (PIK), kepada pusat komuniti dan pusat pembelajaran yang berteraskan ekonomi digital dengan matlamat untuk memperkasakan komuniti setempat bagi memacu pertumbuhan ekonomi digital. Fokus terkini adalah untuk memupuk dan membangunkan usahawan mengguna pakai dan memanfaatkan pendigitalan dalam perniagaan mereka untuk menyemarakkan lagi ekonomi digital.

Pada 21 November 2021, Pusat Internet Komuniti (PIK) secara rasminya telah dijenamakan semula dan dilancarkan sebagai Pusat Ekonomi Digital Keluarga Malaysia (PEDi) oleh Perdana Menteri YAB Dato' Seri Ismail Sabri Yaakob.

Daripada 911 PEDi yang dirancang oleh Suruhanjaya di bawah inisiatif ini, 874 PEDi adalah pusat yang sedia ada. Baki 37 pusat adalah pusat yang dahulunya dikenali sebagai Pusat Internet Desa (PID) di bawah seliaan Kementerian Komunikasi dan Multimedia (K-KOMM) telah ditransformasikan kepada PEDi. PID tersebut telah dinaik taraf dengan kesalinghubungan yang lebih baik, termasuk daya pemprosesan transmisi *backhaul* sekurang-kurangnya 20Mbps, kemudahan dan perkhidmatan tambahan kepada para pengguna.


Pada 15 April 2021, Suruhanjaya telah mengeluarkan pelawaan di bawah Peraturan 5 Peraturan PPS 2002 bagi pelaksanaan 37 PEDi baharu. Pemberitahuan Kelulusan telah dikeluarkan pada 1 September 2021, dan projek ini telah bermula pada 17 September 2021 dan dijangka akan siap pada bulan Februari tahun 2022. PEDi baharu ini akan beroperasi selama 5 tahun hingga bulan Februari tahun 2027.

Sehingga 31 Disember 2021, sejumlah 883 PEDi telah beroperasi sepenuhnya di seluruh negara dan 28 PEDi dalam peringkat pelaksanaan.



Negeri	PEDI Sedia Ada	PEDI Baharu	Jumlah PEDI	Jumlah PEDi Siap Dilaksanakan
Johor	86	4	90	87
Kedah	73	4	77	74
Kelantan	70	2	72	72
Melaka	29	1	30	29
Negeri Sembilan	50	1	51	50
Pahang	108	3	111	109
Perak	66	5	71	67
Perlis	13	1	14	14
Pulau Pinang	1	2	3	3
Sabah	115	3	118	115
Sarawak	130	3	133	129
Selangor	42	6	48	43
Terengganu	64	2	66	64
Wilayah Persekutuan				
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	21	-	21	21
Wilayah Persekutuan Labuan	2	-	2	2
Wilayah Persekutuan Putrajaya	4	-	4	4
JUMLAH	874	37	911	883

Jadual 3: Jumlah PEDi Mengikut Negeri




Rajah 4: Bilangan PEDi Siap Dilaksanakan Mengikut Tahun



Nota:

- 1) 37 PEDi dilaksanakan di kawasan yang dinyatakan atau/ dan bersebelahan dengan PID sebelumnya.
- 2) Lokasi PEDi dikenal pasti berdasarkan syarat-syarat berikut:
  - i. Tiada kemudahan capaian internet kolektif lain atau pusat capaian internet komersial dalam lingkungan radius 5km dari premis PEDi tersebut.
  - ii. Pejabat Negeri MCMC telah mengumpul maklumat dan mencadangkan lokasi tersebut.



Pengguna PEDi mempelajari strategi pemasaran dan cara-cara menjalankan perniagaan dalam talian – gambar MCMC

## PUSAT EKONOMI DIGITAL KELUARGA MALAYSIA (PEDi) MASJID TANAH



*Alhamdulillah, jualan rendang daging dendeng dan rempeyek telah meningkat sebanyak 50% selepas saya menyertai latihan keusahawanan yang dijalankan di PEDi. Saya bersyukur kerana berpeluang mempelajari kaedah pemasaran, pembungkusan, penjenamaan dan memperkembangkan perniagaan saya di PEDi.*

*Zainoon Akma Ramli, 53 tahun,  
Akma Event & Catering*



Inisiatif ini adalah sebahagian daripada usaha Suruhanjaya untuk merapatkan jurang digital antara kawasan bandar dan luar bandar, serta antara komuniti yang mendapat liputan dan komuniti yang kurang mendapat liputan di Malaysia, berdasarkan objektif-objektif yang telah ditetapkan dalam sub peraturan 3(i) Peraturan PPS.

PEDI Taman Bandar Baharu Masjid Tanah telah berjaya melahirkan 35 orang usahawan yang aktif di Masjid Tanah dan telah memperkembangkan perniagaan mereka ke tahap yang lebih tinggi.

Pengurus Akma Event & Catering kini merupakan seorang usahawan yang berjaya setelah perniagaannya hampir ditutup akibat pandemik COVID-19 pada dua tahun lalu.

Sementara itu, pengusaha Ecah Food, Hasnah Awang, 53 tahun, yang menjual pelbagai jenis kek dan kerepek, berpendapat bahawa PEDi telah banyak membantu syarikatnya yang dikendalikan oleh anak perempuan sulungnya, Aisyah Raya, 30 tahun, dan kini telah mempunyai sebuah kilang kecil di Bandar Bakri di Muar, Johor.



*PEDI banyak memberi manfaat kepada kami dan berharap ia wajar diteruskan bagi membina usahawan kecil khususnya di luar kawasan bandar.*

*Hasnah Awang, 53 tahun,  
Ecah Food*



Bab

# 04

## INISIATIF-INISIATIF DI BAWAH PERATURAN 36A, PERATURAN-PERATURAN PPS 2002



## INISIATIF-INISIATIF PENYUMBANG UTAMA

Pelbagai inisiatif yang telah dikemukakan oleh penyumbang-penyumbang utama telah diluluskan dalam tahun 2021 di bawah Peraturan 36A, Peraturan-Peraturan Komunikasi dan Multimedia (Pemberian Perkhidmatan Sejagat) 2002 oleh Suruhanjaya, yang merangkumi pembinaan 362 buah menara komunikasi baharu, penaiktarafan 5,394 stesen pemancar, sambungan gentian optik di 426 menara, sambungan gentian optik ke 180,014 premis, dan pemasangan dua sistem kabel dasar laut yang menghubungkan pulau-pulau ke tanah Semenanjung dengan jarak keseluruhan sepanjang 52km, iaitu ke Pulau Ketam di Selangor (17km) dan Pulau Redang di Terengganu (35km) untuk menghasilkan impak-impak seperti yang disenaraikan dalam Rajah 6.



**1**

**362**  
MENARA

Menara komunikasi baharu

**2**

**5,394**  
STESEN PEMANCAR

Naik taraf stesen pemancar sedia ada

**3**

**426**  
MENARA

Sambungan gentian optik di menara

**4**


**180,014**  
PREMIS

Sambungan gentian optik ke premis

**5**

**52**  
KM

Sistem kabel dasar laut ke pulau-pulau




Rajah 6: Impak-Impak yang Dijangkakan

Setakat 31 Disember 2021, sejumlah 9 daripada 362 menara komunikasi baharu telah dibina; 3,408 daripada 5,394 stesen pemancar telah dinaik taraf; dan 9,970 daripada 180,014 premis telah tersedia dengan sambungan gentian optik.

Negeri	Jumlah yang Telah Siap Dilaksanakan		
	Menara Komunikasi Baharu (menara)	Naik Taraf Stesen Pemancar Sedia Ada (stesen pemancar)	Sambungan Gentian Optik Ke Premis (premis)
Johor	-	272	-
Kedah	-	111	1,880
Kelantan	-	228	-
Melaka	-	6	-
Negeri Sembilan	-	125	1,661
Pahang	-	707	-
Perak	-	186	4,804
Perlis	-	2	208
Pulau Pinang	-	2	27
Sabah	9	756	-
Sarawak	-	628	-
Selangor	-	80	1,390
Terengganu	-	305	-
<b>JUMLAH</b>	<b>9</b>	<b>3,408</b>	<b>9,970</b>

Jadual 4: Bilangan Inisiatif yang telah Siap Dilaksanakan mengikut Negeri

## JUMLAH INISIATIF PENYUMBANG UTAMA YANG TELAH DILULUSKAN DALAM TAHUN 2021





## **NAIK TARAF RANGKAIAN CAPAIAN JALUR LEBAR TEMBAGA SEDIA ADA KEPADА RANGKAIAN CAPAIAN JALUR LEBAR GENTIAN OPTIK**

Projek ini dilaksanakan menurut Peraturan 36A di bawah Peraturan-Peraturan Komunikasi dan Multimedia (Pemberian Perkhidmatan Sejagat) 2022 yang bertujuan untuk menaik taraf rangkaian capaian jalur lebar tembaga yang sedia ada kepada rangkaian capaian dan perkhidmatan jalur lebar gentian optik di kawasan-kawasan Sasaran Perkhidmatan Sejagat (SPS) di seluruh negara.

Di bawah inisiatif ini, keseluruhan kemudahan jalur lebar tembaga sedia ada yang dinaik taraf meliputi sejumlah 933,724 pelanggan, di mana 377,360 daripadanya adalah pelanggan sedia ada. Inisiatif ini melibatkan sebanyak 433 kawasan SPS untuk dinaik taraf kepada perkhidmatan jalur lebar tetap menggunakan teknologi *Fiber to the Home* (FTTH) dengan kelajuan capaian jalur lebar sehingga 1Gbps dengan menggunakan Kumpulan Wang PPS; manakala sejumlah 556,364 pelanggan akan dinaik taraf dan dibiayai oleh pemberi perkhidmatan sendiri.

Inisiatif ini telah dimulakan pada 15 Mac 2021 dan disasarkan akan siap dilaksanakan pada bulan Mac tahun 2023. Sehingga 31 Disember 2021, sejumlah 144,166 pelanggan telah dinaik taraf daripada jalur lebar tembaga kepada jalur lebar gentian optik. Sementara itu, terdapat juga 47,842 pelanggan telah membuat peralihan kepada perkhidmatan lain.

Negeri	Jumlah Pelanggan (Telah Dinaik Taraf)	Jumlah Pelanggan (Peralihan kepada Perkhidmatan Lain)	Jumlah Pelanggan (Menolak Penaiktarafan)	*Jumlah Pelanggan (Akan Dinaik Taraf)	Jumlah Keseluruhan
Johor	27,715	4,070	2,600	42,270	<b>76,655</b>
Kedah	4,624	1,098	427	6,390	<b>12,539</b>
Kelantan	9,624	1,122	368	5,167	<b>16,281</b>
Melaka	8,252	1,877	801	10,469	<b>21,399</b>
Negeri Sembilan	8,632	1,126	452	14,930	<b>25,140</b>
Pulau Pinang	4,771	1,614	1,099	9,120	<b>16,604</b>
Pahang	13,164	2,223	1,014	15,766	<b>32,167</b>
Perak	26,383	5,326	2,576	28,499	<b>62,784</b>
Perlis	73	4	4	88	<b>169</b>
Sabah	7,785	1,866	634	6,156	<b>16,441</b>
Sarawak	11,794	1,827	1,094	6,812	<b>21,527</b>
Selangor	13,283	4,571	4,094	20,999	<b>42,947</b>
Terengganu	6,645	1,138	325	5,428	<b>13,536</b>
Wilayah Persekutuan					
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	443	1,922	2,092	11,705	<b>16,162</b>
Wilayah Persekutuan Labuan	871	80	9	1,191	<b>2,151</b>
Wilayah Persekutuan Putrajaya	107	114	275	362	<b>858</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>144,166</b>	<b>29,978</b>	<b>17,864</b>	<b>185,352</b>	<b>377,360</b>

Jadual 5: Naik Taraf Tembaga kepada Gentian Optik Mengikut Negeri




## PELAKSANAAN JALUR LEBAR TALIAN TETAP (JALUR LEBAR PINGGIR BANDAR DAN BANDAR)

Inisiatif Jalur Lebar Talian Tetap (FBB) pertama kali dilaksanakan pada tahun 2018 dengan objektif untuk memperluaskan rangkaian gentian optik bagi penyediaan perkhidmatan jalur lebar talian tetap di kawasan perumahan yang telah dikenal pasti terutamanya di kawasan miskin bandar dan pangaspuri kos rendah di kawasan pinggir bandar dan bandar di seluruh negara.

Inisiatif ini melibatkan penaiktarafan 14 ibu sawat di seluruh negara. Projek FBB ini dibiayai di bawah Kumpulan Wang PPS. Sehingga 31 Disember 2021, sejumlah 12,064 sambungan telah dilaksanakan di Johor, Pulau Pinang, Perak, Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, dengan 8,444 sambungan dilaksanakan dalam tahun 2021.

**12,064 JUMLAH SAMBUNGAN YANG TELAH DILAKSANAKAN**

Negeri	Jumlah Sambungan yang Telah Dilaksanakan
Johor	<b>2,912</b>
Perak	<b>128</b>
Pulau Pinang	<b>2,080</b>
Selangor	<b>5,888</b>
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	<b>1,056</b>



Jadual 6: Pecahan Jumlah Sambungan FBB yang Telah Dilaksanakan Mengikut Negeri

Rajah 7: Pecahan Jumlah Sambungan FBB yang Telah Dilaksanakan Mengikut Tahun

Bab

# 05

## KUMPULAN WANG PPS



# TADBIR URUS DAN PENGURUSAN KEWANGAN

Kumpulan Wang PPS ditadbir dan diuruskan melalui tiga (3) sumber rujukan utama iaitu Perundangan, Polisi dan Amalan Terbaik. Sumber rujukan utama ini dijadikan asas demi memastikan keberterusan dan kelestarian Kumpulan Wang PPS agar diuruskan dengan integriti demi mencapai kecemerlangan dalam penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan dalaman dan luaran pada setiap masa.

## PERUNDANGAN

Kumpulan Wang Pemberian Perkhidmatan Sejagat (“Kumpulan Wang PPS”) telah ditubuhkan di bawah Seksyen 204 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan ditadbir di bawah Peraturan-Peraturan Komunikasi dan Multimedia (Pemberian Perkhidmatan Sejagat) 2002 (“Peraturan PPS”) yang digubal secara khusus bagi mengurangkan jurang digital yang wujud di kawasan yang kurang liputan perkhidmatan dan juga kepada kumpulan yang kurang diberi perkhidmatan dalam masyarakat. Sejakar dengan Peraturan PPS, adalah wajib bagi syarikat perkhidmatan telekomunikasi yang mencatat hasil bersih lebih dari RM2 juta bagi tahun kewangan yang dinilai untuk menyumbang 6% dari hasil bersih ditentukan ke Kumpulan Wang PPS setiap tahun.

## AMALAN TERBAIK

Selaras dengan aspirasi Kerajaan dalam usaha meneruskan penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan dengan cemerlang dan efektif, Kumpulan Wang PPS sentiasa mengkaji proses kerja yang boleh ditambah baik dan memberi nilai tambah selaras dengan perubahan-perubahan teknologi dan pendigitalan operasi yang lebih holistik dan terkini. Antara langkah-langkah penambahanbaikan yang dilaksanakan secara berterusan adalah seperti berikut:-

- Menambah baik komunikasi penghantaran penyata hasil dari pemegang-pemegang lesen melalui platform elektronik *E-Fund Management System* (EFMS).
- Menambah baik prestasi pembayaran tuntutan dengan memperkenalkan kaedah pengisytiharan berkanun bagi borang tuntutan dari Pemberi Perkhidmatan Sejagat Dinamakan (“PPSD”) yang melibatkan projek-projek PPS, bagi memastikan pembayaran dapat dibuat secara cepat, kemas dan teratur.
- Memperkasakan proses verifikasi dokumen pembayaran melalui inisiatif semakan verifikasi dokumen pembayaran kepada PSDP bagi tujuan pengesahan lanjut.
- Mengadakan sesi libat urus antara Kumpulan Wang PPS dan PSDP bagi membincangkan perkara-perkara berkaitan kewangan, verifikasi pembayaran dan prestasi pembayaran, perancangan pembayaran serta perbincangan bagi menambah baik dan melancarkan proses pelaksanaan projek PPS.
- Mengadakan kajian secara berterusan ke atas sistem kewangan sedia ada iaitu USP Financial System (USPFS) dan lain-lain sistem pemantauan projek bagi menjana pelaporan lengkap dan menyeluruh berkaitan projek-projek PPS yang dilaksanakan.
- Menubuhkan Pasukan Penasihat Pelaburan di peringkat pengurusan (dan dibantu oleh Bahagian Kewangan MCMC) yang bertanggungjawab meneliti aktiviti serta risiko pelaburan, bertujuan mengoptimumkan pulangan pelaburan dan pengurusan kecairan sesuai dengan dasar pelaburan, strategi dan objektif kewangan.


## POLISI & PROSEDUR KEWANGAN

Kumpulan Wang PPS menyediakan penyata kewangan selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia atau lebih dikenali dengan *Malaysian Financial Reporting Standards* (MFRS) yang diadaptasi dari Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa yang juga dikenali sebagai *International Financial Reporting Standards* (IFRS). Penyata kewangan Kumpulan Wang PPS bagi tahun kewangan 31 Disember 2021 telah diaudit oleh Tetuan Ernst & Young PLT.

Secara amnya, polisi dan prosedur kewangan yang diguna pakai dan berkuat kuasa pada masa ini adalah dikemas kini dari masa ke masa bagi memastikan keberkesanan dalam penyampaian perkhidmatan Kumpulan Wang PPS.


## PENGURUSAN IMPAK PANDEMIK COVID-19

Antara inisiatif yang dilaksanakan bagi membantu syarikat-syarikat penyedia khidmat telekomunikasi dan multimedia dalam memastikan kelangsungan perkhidmatan yang diberikan agar tidak terkesan akibat Pandemik COVID-19, MCMC telah memberi kelonggaran kepada syarikat-syarikat berkenaan yang memohon untuk menangguhkan atau membuat bayaran secara ansuran terhadap sumbangan yang wajib dibuat kepada Kumpulan Wang PPS selaras dengan peruntukan Peraturan PPS.



# SOROTAN KEWANGAN TAHUN 2021

## PENDAPATAN



Bagi tahun berakhir 31 Disember 2021, Kumpulan Wang PPS menjana jumlah pendapatan RM1.70 bilion. Daripada jumlah pendapatan tersebut, 87% merupakan pendapatan teras manakala selebihnya iaitu 13% adalah pendapatan bukan teras. Pendapatan teras yang terdiri dari sumbangan pemegang lesen berjumlah RM1.47 bilion mencatatkan penurunan sebanyak 3% atau RM42.7 juta berbanding tahun sebelumnya iaitu RM1.52 bilion.

Namun begitu, pendapatan bukan teras iaitu pendapatan faedah yang mencatatkan penurunan kepada RM220 juta iaitu sebanyak 26%


atau RM78.3 juta dan pendapatan-pendapatan bukan teras lain iaitu sebanyak 67% atau RM6.3 juta berbanding tahun 2020. Penurunan kecil dalam jumlah pendapatan teras berbanding 2020 adalah disebabkan oleh pengurangan dalam hasil bersih dari pemegang lesen dan penurunan dalam pendapatan faedah disebabkan oleh kadar purata faedah yang lebih rendah iaitu 2.23% berbanding 2.62% yang direkodkan pada tahun 2020. Ini berikutan dari penurunan Kadar Dasar Semalam (OPR) sejak Januari 2020.

## PERBELANJAAN

Perbelanjaan utama Kumpulan Wang PPS adalah terdiri dari kos-kos projek PPS yang dilaksanakan oleh PPSD. Sejumlah RM870.4 juta telah diiktiraf sebagai perbelanjaan yang telah dibayar dan diakrukan bagi tujuan pelaksanaan projek PPS berbanding dengan RM877.4 juta pada tahun 2020.

## LEBIHAN SELEPAS CUKAI MEWAKILI JUMLAH KEUNTUNGAN DIIKTIRAF

Lebihan selepas cukai yang diiktiraf pada tahun kewangan berakhir 2021 mengalami pengurangan sebanyak RM122.9 juta kepada RM559.9 juta berbanding tahun sebelumnya yang berjumlah RM682.8 juta. Secara perbandingannya, lebihan selepas cukai yang mewakili keuntungan diiktiraf mengalami pengurangan disebabkan oleh penurunan kutipan hasil dari pemegang lesen dan pendapatan faedah yang lebih rendah bagi simpanan tetap.



**Carta 2: PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN (RM' JUTA)**

## ASET

Kumpulan Wang PPS telah menutup akhir tahun kewangan 2021 dengan aset berjumlah RM10.9 bilion berbanding RM10.7 bilion pada akhir tahun kewangan sebelumnya. Terdapat peningkatan dalam lain-lain pelaburan yang meliputi deposit dengan bank berlesen disebabkan oleh pengurangan dalam pembayaran kos-kos projek PPS berbanding tahun sebelumnya. MCMC terus mengekal prosedur kutipan yang mantap untuk meminimumkan risiko kredit dengan jumlah Sumbangan dan Lain-lain Penghutang sebanyak RM752.7 juta berbanding RM784.4 juta pada tahun 2020.

## LIABILITI

Kedudukan liabiliti pada akhir tahun kewangan 31 Disember 2021 menurun sebanyak RM258.2 juta kepada RM229.9 juta berbanding RM488.1 juta yang direkodkan pada tahun sebelumnya. Ini disebabkan oleh pelaksanaan penambahbaikan proses pembayaran dan peningkatan sistem pada tahun tersebut yang membolehkan pembayaran bagi tuntutan projek kepada PPSD dapat dibayar dalam garis masa yang lebih baik berbanding tahun sebelumnya.



**▼ RM258.2 juta kepada RM229.9 juta**  
berbanding dengan tahun 2020

## DANA TERKUMPUL

Bagi tahun kewangan berakhir 2021, Dana Terkumpul Kumpulan Wang PPS merekodkan kenaikan sebanyak 5% atau RM0.5 bilion kepada RM10.6 bilion berbanding RM10.1 bilion tahun sebelumnya. Faktor penyumbang utama kenaikan Dana Terkumpul ini adalah disebabkan oleh lebihan selepas cukai iaitu sebanyak RM559.9 juta.



**▲ 5% atau RM0.5 bilion kepada RM10.6 bilion**  
berbanding dengan tahun 2020

## PERANCANGAN DAN KOMITMEN KEWANGAN

Selaras dengan usaha Kerajaan dalam merapatkan jurang digital, bagi tahun kewangan 31 Disember 2021, Kumpulan Wang PPS telah merancang dan melaksanakan program-program PPS dengan komitmen sejumrah RM10.9 bilion merangkumi projek JENDELA Fasa 1. Antara projek-projek yang sedang dilaksanakan adalah seperti berikut:



**Rajah 8: Komitmen Kewangan**

Bab

# 06

## PENYATA KEWANGAN



## KUMPULAN WANG PEMBERIAN PERKHIDMATAN SEJAGAT

Penyata oleh Anggota-anggota Suruhanjaya Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia

Kami, Dato' Dr. Fadhlullah Suhaimi bin Abdul Malek dan Datuk Seri Tajuddin Atan, merupakan dua Anggota Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Anggota-anggota Suruhanjaya, penyata kewangan dikemukakan pada muka surat 47 hingga 65 telah disediakan mengikut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia dan Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa untuk memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan Wang pada 31 Disember 2021 dan pendapatan dan perbelanjaan dan aliran tunainya bagi tahun kewangan berakhir pada ketika itu.

Ditandatangani mengikut resolusi oleh Anggota-anggota Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia:

t.t.

**Dato' Dr. Fadhlullah Suhaimi bin Abdul Malek**

## PERAKUAN BERKANUN

Saya, Nor Fadhilah Mohd Ali, sebagai pegawai utama bertanggungjawab bagi pengurusan kewangan Kumpulan Wang Pemberian Perkhidmatan Sejagat, dengan sesungguhnya dan seikhlasnya memperakui bahawa penyata kewangan yang dikemukakan pada muka surat 47 hingga 65 adalah, setakat pengetahuan dan kepercayaan terbaik saya, benar dan saya membuat perakuan ini dengan penuh kepercayaan akan kebenarannya, dan berdasarkan peruntukan-peruntukan Akta Perakuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan sesungguhnya diperakui oleh yang tersebut di atas di Putrajaya, Wilayah Persekutuan pada 7 April 2022.

t.t.

**Nor Fadhilah Mohd Ali**

Di hadapan saya:

Pesuruhjaya Sumpah Malaysia

No PJS W720

Mohd Aimi Zaini bin Mohd Azhar

7 April 2022

t.t.

**Datuk Seri Tajuddin Atan**

**Cyberjaya, Selangor**

**7 April 2022**

# LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA ANGGOTA-ANGGOTA

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia

## Laporan mengenai audit penyata kewangan

### Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan Kumpulan Wang Pemberian Perkhidmatan Sejagat (“Kumpulan Wang”), yang terdiri daripada penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2021 Kumpulan Wang, dan penyata pendapatan dan perbelanjaan dan keuntungan dan kerugian diiktiraf dan penyata aliran tunai Kumpulan Wang bagi tahun berakhir ketika itu, dan nota-nota kepada penyata kewangan, termasuk ringkasan polisi-polisi perakaunan penting, sebagaimana dikemukakan pada muka surat 47 hingga 65.

Pada pendapat kami, penyata kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan Wang pada 31 Disember 2021, dan mengenai prestasi kewangan dan aliran tunainya bagi tahun berakhir ketika itu mengikut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia dan Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa.

### Asas-asas pendapat

Kami telah melaksanakan audit kami mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian-piawaian tersebut diterangkan selanjutnya di bahagian tanggungjawab Juruaudit ke atas audit penyata kewangan di dalam laporan kami. Kami percaya bahawa bukti audit yang telah kami perolehi adalah mencukupi dan wajar untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat audit kami.

### Kebebasan dan tanggungjawab etika lain

Kami adalah bebas daripada Kumpulan Wang mengikut Undang-undang Kecil (mengenai Etika, Kelakuan dan Amalan Profesional) Institut Akauntan Malaysia (“Undang-undang Kecil”) dan Kod Etika bagi Akauntan Profesional (“Kod IESBA”), Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika lain kami mengikut Undang-undang Kecil dan Kod IESBA.

### Maklumat selain daripada penyata kewangan dan laporan juruaudit

Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika lain kami mengikut Undang-undang Kecil dan Kod IESBA (“Suruhanjaya”) adalah bertanggungjawab ke atas maklumat lain. Maklumat lain terdiri daripada laporan tahunan, tetapi tidak termasuk penyata kewangan Kumpulan Wang dan laporan juruaudit. Kami menjangkakan laporan tahunan akan disediakan kepada kami selepas tarikh laporan juruaudit.

Pendapat kami mengenai penyata kewangan Kumpulan Wang tidak meliputi maklumat lain dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan ke atasnya.

Berhubung dengan audit kami akan penyata kewangan Kumpulan Wang, tanggungjawab kami adalah untuk membaca maklumat lain dan, dengan berbuat demikian, menimbangkan sama ada maklumat lain tidak konsisten secara material dengan penyata kewangan Kumpulan Wang atau pengetahuan kami yang diperolehi dalam audit atau sebaliknya kelihatan disalah nyata secara material.

Apabila kami membaca laporan tahunan, sekiranya kami memutuskan bahawa terdapat salah nyataan material di dalamnya, kami dikehendaki untuk menyampaikan perkara tersebut kepada Anggota-anggota Suruhanjaya dan mengambil tindakan yang sewajarnya.

### Tanggungjawab Suruhanjaya bagi penyata kewangan

Anggota-anggota Suruhanjaya bertanggungjawab bagi penyediaan penyata kewangan Kumpulan Wang yang memberi gambaran benar dan saksama mengikut dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia dan Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa. Anggota-anggota Suruhanjaya juga bertanggungjawab bagi kawalan dalaman tertentu sebagaimana ditentukan Anggota-anggota Suruhanjaya sebagai perlu untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan Kumpulan Wang yang bebas daripada salah nyataan material, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan penyata kewangan Kumpulan Wang, Anggota-anggota Suruhanjaya bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kumpulan Wang untuk terus beroperasi secara berterusan, mendedahkan, yang mana berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan asas perakaunan untuk usaha berterusan melainkan Suruhanjaya sama ada berhasrat untuk membubarkan Kumpulan Wang atau untuk menghentikan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik kecuali untuk berbuat demikian.

### Tanggungjawab juruaudit bagi audit penyata kewangan

Objektif kami adalah untuk mendapatkan jaminan munasabah mengenai sama ada penyata kewangan Suruhanjaya secara keseluruhan adalah bebas daripada salah nyataan material, sama ada disebabkan penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang meliputi pendapat kami. Jaminan munasabah ialah jaminan tahap tinggi, tetapi bukan satu pengesahan bahawa audit yang dilaksanakan menurut piawaian mengenai pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian mengenai Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesahkan salah nyataan material apabila ia wujud. Salah nyataan boleh berlaku disebabkan penipuan atau kesilapan dan dianggap material sekiranya, secara individu atau beragregat, dapat dijangka mempengaruhi keputusan ekonomi pengguna diambil berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan skiptisme profesional sepanjang audit. Kami juga:

- Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyataan material penyata kewangan Kumpulan Wang, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merancang dan melaksanakan prosedur audit bersesuaian dengan risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan sesuai untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami. Risiko tidak mengesahkan salah nyataan material akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada salah nyataan akibat daripada kesilapan, memandangkan penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan sengaja, salah nyataan, atau mengatasi kawalan dalaman.
- Mendapatkan pemahaman kawalan dalaman yang berkenaan dengan audit bagi tujuan merangka prosedur audit yang sesuai dalam keadaan-keadaan tersebut, tetapi bukan untuk tujuan menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kumpulan Wang.
- Menilai kesesuaian polisi-polisi perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan jangkaan perakaunan dan pendedahan yang berkaitan yang dibuat oleh Anggota-anggota Suruhanjaya.
- Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan Suruhanjaya, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada ketidakpastian material wujud yang berkaitan dengan peristiwa-peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan yang ketara ke atas keupayaan Kumpulan Wang untuk terus beroperasi sebagai satu usaha berterusan. Sekiranya kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian material wujud, kami diperlukan untuk menarik perhatian dalam laporan juruaudit kami kepada pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Kumpulan Wang atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, untuk mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa hadapan boleh menyebabkan Kumpulan Wang terhenti daripada terus beroperasi sebagai satu usaha berterusan.
- Menilai keseluruhan pembentangan, struktur dan kandungan penyata kewangan Kumpulan Wang, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan Kumpulan Wang mewakili urus niaga dan peristiwa dalam cara yang memberi gambaran yang saksama.

Kami berkomunikasi dengan Suruhanjaya berhubung dengan, antara lain, skop yang dirancang dan masa pengauditan dan penemuan audit yang ketara, termasuk apa-apa kekurangan ketara dalam kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa audit kami.

## PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

Pada 31 Disember 2021

### Perkara-perkara lain

Laporan ini dibuat hanya kepada Suruhanjaya, sebagai sebuah badan, selaras dengan Peraturan 36(2) Peraturan-peraturan Komunikasi dan Multimedia (Pemberian Perkhidmatan Sejagat) 2002 dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana pihak bagi kandungan laporan ini.

t.t.  
**Ernst & Young PLT**  
202006000003 (LLP0022760-LCA) & AF 0039  
Akauntan Bertauliah  
Kuala Lumpur, Malaysia  
7 April 2022

t.t.  
**Ong Chee Wai**  
No. 02857/07/2022 J  
Akauntan Bertauliah

	Nota	2021 RM'000	2020 RM'000
<b>Aset</b>			
<b>Aset bukan semasa</b>			
Aset cukai tertunda	3	<b>2,617</b>	3,540
<b>Aset semasa</b>			
Lain-lain pelaburan	4	<b>10,041,357</b>	9,433,971
Sumbangan dan lain-lain penghutang	5	<b>752,689</b>	784,360
Tunai dan setara tunai	6	<b>85,365</b>	471,257
		<b>10,879,411</b>	10,689,588
<b>Jumlah aset</b>		<b>10,882,028</b>	10,693,128
<b>Liabiliti semasa</b>			
Lain-lain pembiutang	7	<b>229,901</b>	488,124
Cukai perlu dibayar		<b>4,698</b>	117,527
		<b>234,599</b>	605,651
<b>Diwakili oleh:</b>			
Dana terkumpul	8	<b>10,647,429</b>	10,087,477
<b>Jumlah liabiliti dan dana terkumpul</b>		<b>10,882,028</b>	10,693,128

Nota-nota mengiringi membentuk bahagian penting penyata kewangan.

**PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN DAN  
KEUNTUNGAN DAN KERUGIAN DIKTIRAF**

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2021

	Nota	2021 RM'000	2020 RM'000
<b>Pendapatan</b>			
Sumbangan	10	<b>1,477,646</b>	1,520,256
Pendapatan faedah		<b>219,898</b>	298,255
Lain-lain pendapatan		-	9,113
Penarikbalikan peruntukan bagi kerugian kredit yang dijangka	5	<b>3,075</b>	329
		<b>1,700,619</b>	1,827,953
<b>Perbelanjaan</b>			
Tuntutan oleh pemberi perkhidmatan PPS	11	(870,358)	(877,409)
Peruntukan bagi kerugian kredit yang dijangka	5	-	(510)
Lain-lain perbelanjaan		(2)	(2)
		<b>(870,360)</b>	(877,921)
<b>Lebihan sebelum cukai</b>			
Perbelanjaan cukai	12	(270,307)	(267,207)
<b>Lebihan selepas cukai, mewakili jumlah keuntungan diiktiraf</b>		<b>559,952</b>	682,825

Nota-nota mengiringi membentuk bahagian penting penyata kewangan.

**PENYATA ALIRAN TUNAI**

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2021

	Nota	2021 RM'000	2020 RM'000
<b>Aliran tunai daripada kegiatan kendalian</b>			
Lebihan sebelum cukai		<b>830,259</b>	950,032
Pelarasan bagi:			
Penarikbalikan peruntukan bagi kerugian kredit yang dijangka		(3,075)	(329)
Peruntukan bagi kerugian kredit yang dijangka		-	510
Pendapatan faedah		(219,898)	(298,255)
<b>Lebihan kendalian sebelum perubahan dalam modal kerja</b>		<b>607,286</b>	651,958
Perubahan dalam modal kerja:			
Sumbangan dan lain-lain penghutang		<b>34,746</b>	854,587
Lain-lain pembiutang		(258,223)	(707,733)
Tunai dihasilkan daripada operasi		<b>383,809</b>	798,812
Cukai dibayar		(382,213)	(184,957)
<b>Tunai bersih dihasilkan daripada kegiatan kendalian</b>		<b>1,596</b>	613,855
<b>Aliran tunai daripada kegiatan pelaburan</b>			
Faedah diterima		<b>252,512</b>	324,063
Penempatan dalam lain-lain pelaburan		(640,000)	(1,000,102)
<b>Tunai bersih diguna dalam kegiatan pelaburan</b>		<b>(387,488)</b>	(676,039)
Pengurangan bersih dalam tunai dan setara tunai		(385,892)	(62,184)
Tunai dan setara tunai pada 1 Januari		<b>471,257</b>	533,441
<b>Tunai dan setara tunai pada 31 Disember</b>	6	<b>85,365</b>	471,257

Nota-nota mengiringi membentuk bahagian penting penyata kewangan.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2021

## 1. MAKLUMAT KORPORAT

Kegiatan utama Kumpulan Wang Pemberian Perkhidmatan Sejagat ("Kumpulan Wang") adalah untuk menggalakkan ketersediaan dan penggunaan perkhidmatan rangkaian secara meluas dan/ atau perkhidmatan aplikasi di seluruh Malaysia dengan menggalakkan pemasangan kemudahan rangkaian dan penyediaan bagi perkhidmatan rangkaian dan/atau perkhidmatan aplikasi di kawasan yang terkurang diberi liputan perkhidmatan atau bagi kumpulan yang terkurang diberi perkhidmatan dalam masyarakat.

Kumpulan Wang telah ditubuhkan di bawah Seksyen 204 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan dikawal atur oleh Peraturan-peraturan Komunikasi dan Multimedia (Pemberian Perkhidmatan Sejagat) 2002 ("Peraturan PPS"). Kumpulan Wang memulakan operasinya pada September 2002. Kumpulan Wang diuruskan Anggota-anggota Suruhanjaya dan kakitangan pengurusan penting Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia ("Suruhanjaya") selaras dengan peraturan-peraturan tersebut di atas.

Alamat tempat perniagaan utama adalah seperti berikut:

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia  
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6  
63000 Cyberjaya  
Selangor Darul Ehsan

Penyata kewangan ini telah dibenarkan untuk dikeluarkan oleh Anggota-anggota Suruhanjaya pada 7 April 2022.

## 2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN PENTING

### 2.1 Asas Penyediaan

Penyata kewangan Kumpulan Wang telah disediakan selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRS"). Penyata kewangan juga mematuhi Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa sebagaimana dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Antarabangsa.

Penyata kewangan telah disediakan berdasarkan kos sejarah melainkan sebagaimana dinyatakan dalam polisi-polisi perakaunan di bawah. Penyata kewangan telah dibentangkan dalam Ringgit Malaysia ("RM") dan semua nilai dibundarkan kepada jumlah ribu ("RM'000") terdekat kecuali apabila dinyatakan sebaliknya.

### 2.2 Perubahan dalam polisi perakaunan

Pada 1 Januari 2021, Kumpulan Wang menerima pakai MFRS baru dan dipinda mandatori berikut bagi tempoh-tempoh kewangan tahunan bermula pada atau selepas tarikh yang dinyatakan di bawah:

Penerangan	Berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas
Pembaharuan Penanda Aras Kadar Faedah - Fasa 2 (Pindaan kepada MFRS 9, MFRS 139 dan MFRS 7)	1 Januari 2021

Penerimaan pakai piawaian di atas tidak mempunyai kesan material ke atas penyata kewangan dalam tempoh pemakaian awal.

### 2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

#### 2.3 Piawaian dikeluarkan tetapi belum lagi berkuat kuasa

Piawaian yang telah dikeluarkan tetapi belum lagi berkuat kuasa sehingga tarikh pengeluaran penyata kewangan Kumpulan Wang adalah dinyatakan di bawah. Kumpulan Wang berhasrat untuk menerima pakai piawaian ini, sekiranya berkenaan, apabila ia menjadi berkuat kuasa.

**Berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas**

Penerangan	Berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas
Pindaan kepada Penambahbaikan Tahunan kepada Piawaian MFRS 2018-2020	1 Januari 2022
MFRS 9 Instrumen Kewangan – Fi dalam ujian '10 peratus' bagi penyahitiran liabiliti kewangan	1 Januari 2022
Kontrak Membebankan - Kos Memenuhi Kontrak (Pindaan kepada MFRS 137 Peruntukan, Liabiliti Kontigen dan Aset Kontigen)	1 Januari 2022
Klasifikasi Liabiliti sebagai Semasa atau Bukan Semasa (Pindaan kepada MFRS 101 Pembentangan Penyata Kewangan)	1 Januari 2023
Definisi Anggaran Perakaunan - Pindaan kepada MFRS 108	1 Januari 2023
Pendedahan Polisi-polisi Perakaunan - Pindaan kepada MFRS 101 dan Penyata Amalan MFRS 2	1 Januari 2023
Cukai tertunda berkaitan dengan Aset dan Liabiliti timbul daripada Urus Niaga Tunggal - Pindaan kepada MFRS 112	1 Januari 2023

Suruhanjaya menjangkakan bahawa penerimaan pakai piawaian di atas tidak akan memberi kesan material ke atas penyata kewangan dalam tempoh pemakaian awal.

#### 2.4 Cukai pendapatan

##### (a) Cukai pendapatan semasa

Aset dan liabiliti cukai semasa diukur pada jumlah yang dijangka dapat diperolehi semula daripada atau dibayar kepada pihak berkuasa cukai. Kadar cukai dan undang-undang cukai yang digunakan untuk mengira jumlah cukai adalah yang digubal atau sebahagian besarnya digubal, pada tarikh pelaporan, di negara-negara dalam mana Kumpulan Wang beroperasi dan menghasilkan pendapatan boleh dicukai.

Cukai semasa diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian kecuali sehingga tahap yang ia berkait dengan perkara-perkara diiktiraf di luar keuntungan atau kerugian, sama ada dalam lain-lain pendapatan komprehensif atau secara langsung dalam ekuiti.

##### (b) Cukai tertunda

Cukai tertunda diperuntukkan menggunakan kaedah liabiliti ke atas perbezaan sementara pada tarikh pelaporan di antara asas cukai aset dan liabiliti dan amaun dibawanya untuk tujuan pelaporan kewangan.

Liabiliti cukai tertunda telah diiktiraf bagi semua perbezaan sementara, kecuali:

- di mana liabiliti cukai tertunda terbit daripada pengiktirafan awal muhibah atau aset atau liabiliti dalam urus niaga yang bukan merupakan kombinasi perniagaan dan, pada masa urus niaga, tidak melibatkan keuntungan perakaunan tidak juga keuntungan atau kerugian boleh dicukai; dan
- berhubung dengan perbezaan sementara boleh dicukai yang berkaitan dengan pelaburan dalam anak-anak syarikat, syarikat-syarikat bersekutu dan kepentingan dalam entiti dikawal bersama, apabila pemasaran pembalikan perbezaan sementara boleh dikawal dan ianya berkemungkinan bahawa perbezaan sementara tidak akan berbalik pada masa hadapan boleh diramal.

## 2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

### 2.4 Cukai pendapatan (samb.)

#### (b) Cukai tertunda (samb.)

Aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh ditolak, penghantaran ke hadapan kredit cukai tidak diguna dan kerugian cukai tidak diguna sehingga tahap yang ia berkemungkinan bahawa keuntungan boleh dicukai akan tersedia terhadap mana perbezaan sementara boleh ditolak, dan penghantaran ke hadapan kredit cukai tidak diguna dan kerugian cukai tidak diguna boleh digunakan kecuali:

- di mana aset cukai tertunda berhubung dengan perbezaan sementara boleh ditolak yang timbul daripada pengiktirafan awal aset atau liabiliti dalam urus niaga yang bukan merupakan kombinasi perniagaan dan, pada masa urus niaga, tidak melibatkan keuntungan perakaunan tidak juga keuntungan atau kerugian boleh dicukai; dan
- berhubung dengan perbezaan sementara boleh ditolak yang berkaitan dengan pelaburan dalam anak-anak syarikat, syarikat-syarikat bersetuju dan kepentingan dalam usaha sama, aset cukai tertunda diiktiraf hanya setakat yang ia berkemungkinan bahawa perbezaan sementara akan berbalik pada masa hadapan boleh diramal dan keuntungan boleh dicukai akan tersedia terhadap mana perbezaan sementara boleh digunakan.

Amaun dibawa aset cukai tertunda dikaji pada setiap tarikh pelaporan dan dikurangkan sehingga tahap yang ia tidak lagi berkemungkinan bahawa keuntungan boleh dicukai mencukupi akan tersedia untuk membolehkan semua atau sebahagian daripada aset cukai tertunda digunakan. Aset cukai tertunda tidak diiktiraf dinilai semula pada setiap tarikh pelaporan dan diiktiraf sehingga tahap yang ia menjadi berkemungkinan bahawa keuntungan boleh dicukai masa hadapan akan membolehkan aset cukai tertunda untuk digunakan.

Aset dan liabiliti cukai tertunda diukur pada kadar cukai yang dijangka akan terpakai dalam tahun apabila aset direalis atau liabiliti diselesaikan, berdasarkan kadar cukai dan undang-undang cukai yang telah digubal atau digubal sebahagian besarnya pada tarikh pelaporan.

Cukai tertunda berkaitan dengan perkara yang diiktiraf di luar keuntungan atau kerugian adalah diiktiraf di luar keuntungan atau kerugian. Perkara cukai tertunda diiktiraf dalam hubung kait dengan urus niaga mendasari sama ada dalam lain-lain pendapatan komprehensif atau secara langsung dalam ekuiti dan cukai tertunda timbul daripada kombinasi perniagaan diselaraskan terhadap muhibah atas pengambilalihan.

Aset cukai tertunda dan liabiliti cukai tertunda adalah dihapus kira, sekiranya terdapat hak boleh dikuatkuasakan mengikut undang-undang untuk menolak aset cukai semasa terhadap liabiliti cukai semasa dan cukai tertunda berkait dengan entiti boleh dicukai yang sama dan pihak berkuasa cukai yang sama.

### 2.5 Pengiktirafan pendapatan

#### (a) Sumbangan daripada pemegang lesen

Sumbangan diiktiraf atas asas akruan ke atas Penyata Hasil Bersih Daripada Perkhidmatan Dinamakan ("RONR") tahunan pemegang lesen pada 6% ke atas hasil bersih ditentukan yang diperolehi bagi tahun kalender terdahulu. Pemegang lesen yang hasil bersihnya adalah di bawah RM2 juta bagi tahun kalender sebelumnya tidak perlu menyumbang.

Sumbangan berpotensi daripada pemegang-pemegang lesen yang tidak mengemukakan RONR tahunan mereka diiktiraf berdasarkan RONR tahun sebelumnya. Sekiranya mana-mana daripada ini tidak boleh didapati, hasil tidak diiktiraf disebabkan ketidakpastian material berkaitan dengan jumlah sumbangan perlu dibayar oleh pemegang-pemegang lesen tersebut.

#### (b) Pendapatan faedah

Pendapatan faedah diiktiraf apabila ia terakru dengan menggunakan kaedah faedah berkesan dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan.

## 2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

### 2.6 Tuntutan oleh penyedia perkhidmatan

Tuntutan diiktiraf sebagai liabiliti apabila Kumpulan Wang mempunyai obligasi akibat daripada peristiwa lepas dan ia berkemungkinan bahawa aliran keluar sumber-sumber yang merangkumi manfaat ekonomi akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi, dan anggaran boleh dipercayai mengenai jumlah boleh dibuat.

Obligasi semasa timbul apabila set dokumentasi tuntutan lengkap diterima dan progres projek telah ditentusahkan oleh Suruhanjaya. Tuntutan telah dikaji pada setiap tarikh pelaporan dan diselaraskan untuk menggambarkan anggaran terbaik semasa.

### 2.7 Aset kewangan

#### Pengiktirafan awal

Aset kewangan diklasifikasi, pada pengiktirafan awal, sebagai kemudiannya diukur pada kos dilunaskan, nilai saksama melalui lain-lain pendapatan komprehensif ("OCI") atau nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian.

Klasifikasi aset kewangan pada pengiktirafan awal bergantung pada ciri-ciri aliran tunai kontraktual aset kewangan dan model perniagaan Kumpulan Wang bagi pengurusannya. Dengan pengecualian penghutang sumbang yang tidak mengandungi komponen pembiayaan penting atau untuk yang mana Kumpulan Wang telah menggunakan suai manfaat praktikal, Kumpulan Wang pada awalnya mengukur aset kewangan pada nilai saksamanya campur, dalam hal aset kewangan bukan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, kos urus niaga yang boleh diakitan secara langsung. Penghutang sumbang yang tidak mengandungi komponen pembiayaan penting atau yang mana Kumpulan Wang telah menggunakan suai manfaat praktikal diukur pada harga urus niaga yang ditentukan di bawah MFRS 15. Sila rujuk kepada polisi-polisi perakaunan yang dinyatakan dalam Nota 2.5(a).

Pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam rangka masa yang ditetapkan melalui peraturan atau konvensyen dalam tempat pasaran (dagangan cara biasa) diiktiraf pada tarikh perdagangan, iaitu, tarikh bila mana Kumpulan Wang membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut.

Untuk aset kewangan diklasifikasi dan diukur pada kos dilunaskan atau nilai saksama melalui OCI, ia perlu membawa kepada aliran tunai yang 'semata-mata merupakan bayaran jumlah pokok dan faedah ("SPPI")' ke atas jumlah pokok yang belum dijelaskan. Penilaian ini dirujuk sebagai ujian SPPI dan dilakukan pada peringkat instrumen.

Model perniagaan Kumpulan Wang untuk menguruskan aset kewangan merujuk kepada bagaimana ia menguruskan aset kewangannya untuk menjana aliran tunai. Model perniagaan menentukan sama ada aliran tunai akan mengakibatkan daripada pengumpulan aliran tunai kontraktual, menjual aset kewangan atau kedua-duanya.

#### Pengukuran berikutnya

Untuk tujuan pengukuran berikutnya, aset kewangan diklasifikasi dalam empat kategori:

- (i) Aset kewangan pada kos dilunaskan (instrumen hutang);
- (ii) Aset kewangan pada nilai saksama melalui OCI dengan kitaran semula keuntungan dan kerugian terkumpul (instrumen hutang);
- (iii) Aset kewangan yang ditetapkan pada nilai saksama melalui OCI dengan kitaran semula keuntungan dan kerugian terkumpul atas penyahktirafan (instrumen hutang); atau
- (iv) Aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian.

## 2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

### 2.7 Aset kewangan (samb.)

#### Pengukuran berikutnya (samb.)

Kumpulan Wang mengkategorikan aset kewangannya berdasarkan yang berikut:

##### (i) Aset kewangan pada kos dilunaskan

Kumpulan Wang mengukur aset kewangan pada kos dilunaskan sekiranya kedua-dua syarat berikut dipenuhi:

- (i) Aset kewangan dipegang dalam model perniagaan dengan objektif untuk memegang aset kewangan untuk mengumpul aliran tunai kontraktual; dan
- (ii) Terma-terma kontraktual aset kewangan membawa pada tarikh dinyatakan kepada aliran tunai yang semata-mata merupakan bayaran pokok dan faedah ke atas jumlah pokok belum dijelaskan.

Aset kewangan pada kos dilunaskan kemudiannya diukur dengan menggunakan kaedah faedah berkesan ("EIR") dan tertakluk kepada kerosotan nilai. Keuntungan dan kerugian diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian apabila aset tidak lagi diiktiraf, diubah suai atau dirosot nilai.

Sumbangan dan penghutang perdagangan Kumpulan Wang dikategorikan sebagai aset kewangan pada kos dilunaskan.

##### (ii) Aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian

Aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian termasuk aset kewangan dipegang untuk perdagangan aset, kewangan ditetapkan atas pengiktirafan awal pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, atau aset kewangan diperlukan secara mandatori untuk diukur pada nilai saksama. Aset kewangan diklasifikasikan sebagai dipegang untuk perdagangan sekiranya ia dibeli untuk tujuan penjualan dan pembelian semula dalam tempoh terdekat. Aset kewangan dengan aliran tunai yang bukan semata-mata bayaran jumlah pokok dan faedah diklasifikasikan dan diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, tanpa mengambil kira model perniagaan. Tanpa mengambil kira kriteria bagi instrumen hutang untuk diklasifikasikan pada kos dilunaskan atau pada nilai saksama melalui OCI, sebagaimana diterangkan di atas, instrumen hutang mungkin ditetapkan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian atas pengiktirafan awal sekiranya dengan berbuat demikian menghapuskan, atau dengan ketara mengurangkan, salah padanan perakaunan.

Lain-lain Pelaburan Kumpulan Wang dikategorikan sebagai aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian.

#### Penyahiktirafan

Aset kewangan (atau, di mana berkenaan, sebahagian daripada aset kewangan atau sebahagian daripada kumpulan aset kewangan yang serupa) terutamanya dinyahiktiraf (iaitu dikeluarkan daripada pernyataan kedudukan kewangan Kumpulan Wang) apabila:

- (i) Hak untuk menerima aliran tunai daripada aset telah loput; atau
- (ii) Kumpulan Wang telah memindahkan haknya untuk menerima aliran tunai daripada aset atau telah mengambil alih obligasi untuk membayar aliran tunai diterima sepenuhnya tanpa kelewatkan material kepada pihak ketiga di bawah pengaturan 'beralih kepada' dan sama ada (a) Kumpulan Wang telah memindahkan sebahagian besar semua risiko dan ganjaran aset, atau (b) Kumpulan Wang tidak memindahkan tidak juga mengekalkan sebahagian besar semua risiko dan ganjaran aset, tetapi telah memindahkan kawalan aset.

Apabila Kumpulan Wang telah memindahkan haknya untuk menerima aliran tunai daripada aset atau telah memasuki pengaturan beralih, ia menilai sekiranya, dan setakat mana, ia telah mengekalkan risiko dan ganjaran pemilikan. Apabila ia tidak memindahkan tidak juga mengekalkan sebahagian besar semua risiko dan ganjaran aset, tidak juga memindahkan kawalan aset, Kumpulan Wang berterusan mengiktiraf aset yang dipindahkan sehingga tahap penglibatan berterusannya. Dalam kes tersebut, Kumpulan Wang juga mengiktiraf liabiliti yang berkaitannya. Aset yang dipindahkan dan liabiliti yang berkaitan diukur atas dasar yang menggambarkan hak dan obligasi yang Kumpulan Wang telahkekalkan.

## 2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

### 2.8 Liabiliti kewangan

#### Pengiktirafan awal

Liabiliti kewangan diklasifikasikan selaras dengan kandungan pengaturan kontraktual yang ditandatangani dan definisi liabiliti kewangan.

Liabiliti kewangan diiktiraf dalam pernyataan kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila Kumpulan Wang menjadi pihak kepada peruntukan kontraktual instrumen kewangan. Liabiliti kewangan Kumpulan Wang kemudiannya diukur pada kos dilunaskan. Kumpulan Wang tidak menetapkan sebarang liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian.

#### Pengukuran berikutnya

Lain-lain pembiutang diiktiraf pada awalnya pada nilai saksama campur kos urus niaga boleh dikaitkan secara langsung dan kemudiannya diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah kadar faedah berkesan.

#### Penyahiktirafan

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi di bawah liabiliti dihapuskan. Apabila liabiliti kewangan sedia ada digantikan oleh yang lain daripada pemberi pinjaman yang sama di atas terma-terma sebahagian besarnya berbeza, atau terma liabiliti sedia ada diubah dengan ketara, pertukaran atau perubahan tersebut dianggap sebagai penyahiktirafan liabiliti asal dan pengiktirafan liabiliti baru, dan perbezaan dalam amaun dibawa masing-masing diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

### 2.9 Tunai dan setara tunai

Tunai dan setara tunai terdiri daripada tunai dalam tangan, baki dan deposit dengan bank dan diukur sebagai aset kewangan pada kos dilunaskan selaras dengan polis Nota 2.7.

### 2.10 Kerosotan nilai aset kewangan

Kumpulan Wang mengiktiraf peruntukan bagi kerugian kredit yang dijangka ("ECL") bagi semua instrumen hutang yang tidak dipegang pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian. ECL adalah berdasarkan perbezaan antara aliran tunai kontraktual selaras dengan kontrak dan semua aliran tunai yang Kumpulan Wang jangka akan terima.

ECL diiktiraf dalam dua peringkat. Bagi pendedahan kredit untuk yang mana tidak terdapat peningkatan ketara dalam risiko kredit sejak pengiktirafan awal, ECL disediakan bagi kerugian kredit akibat daripada peristiwa mungkir yang mungkin dalam tempoh 12 bulan akan datang (ECL 12 bulan). Bagi pendedahan kredit yang mana terdapat peningkatan ketara dalam risiko kredit sejak pengiktirafan awal, peruntukan kerugian diperlukan bagi kerugian kredit yang dijangka ke atas baki sepanjang hayat pendedahan, tanpa mengira pemasaran pemungkiran (sepanjang hayat ECL).

Bagi penghutang sumbangan, Kumpulan Wang menggunakan pendekatan diperlakukan dalam mengira ECL. Oleh itu, Kumpulan Wang tidak menjelaskan perubahan dalam risiko kredit, tetapi mengiktiraf peruntukan kerugian berdasarkan ECL sepanjang hayat pada setiap tarikh pelaporan. Kumpulan Wang telah mewujudkan matriks peruntukan yang berdasarkan pengalaman sejarah kerugian kredit, diselaraskan bagi faktor yang memandang kehadapan khusus kepada penghutang dan persekitaran ekonomi.

Aset kewangan dihapus kira apabila tidak ada jangkaan yang munasabah untuk memulihkan aliran tunai kontraktual.

## 2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

### 2.11 Pengukuran nilai saksama

Nilai saksama aset atau liabiliti ditentukan sebagai harga yang mungkin akan diterima untuk menjual aset atau dibayar untuk memindah liabiliti dalam urus niaga yang teratur di antara peserta-peserta pasaran pada tarikh pengukuran. Pengukuran mengandaikan bahawa urus niaga untuk menjual aset atau memindah liabiliti berlaku sama ada dalam pasaran utama atau dalam ketiadaan pasaran utama, dalam pasaran yang paling memberi kelebihan.

Bagi aset bukan kewangan, pengukuran nilai saksama mengambil kira keupayaan peserta pasaran untuk menghasilkan manfaat ekonomi dengan menggunakan aset dalam kegunaan tertinggi dan terbaiknya atau dengan menjual kepada peserta pasaran yang lain yang mungkin menggunakan aset dalam kegunaan tertinggi dan terbaiknya.

Apabila mengukur nilai saksama sesuatu aset atau liabiliti, Suruhanjaya menggunakan data pasaran boleh diperhatikan setakat yang mungkin. Nilai saksama dikategorikan ke dalam tahap berbeza dalam hierarki nilai saksama berdasarkan input digunakan dalam teknik penilaian seperti berikut:

Tahap 1: Harga disebut (tidak diselaraskan) dalam pasaran aktif bagi aset atau liabiliti serupa yang boleh diakses Kumpulan Wang pada tarikh pengukuran.

Tahap 2: Input-input selain daripada harga disebut yang telah dimasukkan dalam Tahap 1 dan yang boleh diperhatikan bagi aset atau liabiliti, sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Tahap 3: Input-input yang tidak boleh diperhatikan bagi aset atau liabiliti.

Kumpulan Wang mengiktiraf pemindahan antara tahap hierarki nilai saksama pada tarikh peristiwa atau apabila terdapat perubahan dalam keadaan yang menyebabkan pemindahan.

### 2.12 Klasifikasi semasa dan bukan semasa

Kumpulan Wang membentangkan aset dan liabiliti dalam penyata kedudukan kewangan berdasarkan klasifikasi semasa dan bukan semasa.

Aset diklasifikasikan sebagai semasa apabila ia:

- dijangka akan direalisasikan atau dihasratkan untuk dijual atau digunakan dalam kitaran kendalian biasa;
- dipegang terutamanya untuk tujuan perdagangan;
- dijangka akan direalisasi dalam tempoh 12 bulan selepas tempoh pelaporan; atau
- tunai atau setara tunai melainkan disekat daripada ditukar atau diguna untuk menyelesaikan liabiliti untuk sekurang-kurangnya 12 bulan selepas tempoh pelaporan.

Semua aset lain diklasifikasi sebagai bukan semasa.

Liabiliti diklasifikasikan sebagai semasa apabila:

- ia dijangka akan diselesaikan dalam kitaran kendalian biasa;
- ia dipegang terutamanya untuk tujuan perdagangan;
- ia kena diselesaikan dalam tempoh 12 bulan selepas tempoh pelaporan; atau
- tidak ada hak tidak bersyarat untuk menunda penyelesaian liabiliti untuk sekurang-kurangnya 12 bulan selepas tempoh pelaporan.

Semua liabiliti lain diklasifikasi sebagai bukan semasa.

Aset dan liabiliti cukai tertunda diklasifikasikan masing-masing sebagai aset dan liabiliti bukan semasa.

## 2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

### 2.13 Pertimbangan dan anggaran perakaunan penting

Penyediaan penyata kewangan Kumpulan Wang memerlukan Suruhanjaya untuk membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang melibatkan jumlah hasil, perbelanjaan, aset dan liabiliti yang dilaporkan pada tarikh pelaporan. Walau bagaimanapun, ketidakpastian mengenai andaian dan anggaran ini boleh mengakibatkan hasil yang mungkin memerlukan pelarasan material kepada amaun dibawa aset dan liabiliti yang terjejas pada masa hadapan.

#### (a) Pertimbangan kritis dalam menggunakan polisi-polisi perakaunan

Tidak ada pertimbangan kritis yang dibuat dalam menggunakan polisi-polisi perakaunan Kumpulan Wang yang mungkin mempunyai kesan ketara ke atas jumlah yang diiktiraf dalam penyata kewangan.

#### (b) Sumber utama ketidakpastian anggaran

Andaian utama mengenai masa hadapan dan lain-lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh pelaporan, yang mempunyai risiko ketara menyebabkan pelarasan material kepada amaun dibawa aset dan liabiliti dalam tahun kewangan berikutnya dibincangkan di bawah:

##### (i) Cukai pendapatan

Anggaran ketara diperlukan dalam menentukan peruntukan bagi cukai pendapatan. Terdapat urus niaga dan pengiraan tertentu yang mana penentuan cukai akhir adalah tidak pasti semasa perjalanan biasa perniagaan. Kumpulan Wang mengiktiraf liabiliti bagi isu cukai yang dijangka berdasarkan anggaran sama ada cukai tambahan akan menjadi kena dibayar. Di mana keputusan cukai akhir perkara-perkara ini adalah berbeza daripada jumlah yang pada awalnya diiktiraf, perbezaan tersebut akan memberi kesan kepada cukai pendapatan dan peruntukan cukai tertunda dalam tempoh dalam mana penentuan dibuat.

##### (ii) Cukai tertunda

Aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh ditolak sehingga tahap yang ia berkemungkinan bahawa keuntungan boleh dicukai akan tersedia terhadap yang mana perbezaan sementara boleh ditolak boleh digunakan. Pertimbangan pengurusan diperlukan untuk menentukan jumlah aset cukai tertunda yang boleh diiktiraf, berdasarkan pemasaran yang mungkin dan tahap keuntungan boleh dicukai masa hadapan bersama dengan strategi perancangan cukai masa hadapan. Butir-butir lanjut terkandung dalam Nota 3.

##### (iii) Peruntukan bagi ECL bagi penghutang sumbang

Kumpulan Wang menggunakan matriks peruntukan untuk mengira ECL bagi penghutang sumbang. Kadar peruntukan adalah berdasarkan pada hari-hari yang lampau tempoh bagi pengelompokan segmen pemegang lesen yang mempunyai corak kerugian yang serupa.

Matriks peruntukan pada permulaannya berdasarkan sejarah kadar pemungkiran yang diperhatikan Kumpulan Wang. Kumpulan Wang akan menentu ukur matriks untuk menyesuaikan pengalaman sejarah kerugian kredit dengan maklumat memandang ke hadapan. Sebagai contoh, sekiranya ramalan keadaan ekonomi dijangka merosot sepanjang tahun hadapan yang boleh membawa kepada peningkatan jumlah pemungkiran, sejarah kadar pemungkiran diselaraskan. Pada setiap tarikh pelaporan, sejarah kadar pemungkiran diperhatikan dikemas kini dan perubahan dalam anggaran memandang ke hadapan dianalisis.

Penilaian berhubung kait antara sejarah kadar pemungkiran diperhatikan, ramalan keadaan ekonomi dan ECL adalah anggaran yang ketara. Jumlah ECL adalah sensitif kepada perubahan dalam keadaan dan ramalan keadaan ekonomi. Pengalaman sejarah kehilangan kredit Kumpulan Wang dan ramalan keadaan ekonomi mungkin tidak mewakili kegagalan sebenar pelanggan pada masa akan datang.

## 2. RINGKASAN POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

### 2.13 Pertimbangan dan anggaran perakaunan penting (samb.)

#### (b) Sumber utama ketidakpastian anggaran (samb.)

Walau bagaimanapun, Kumpulan Wang memutuskan bahawa ECL pelanggan tidak mempunyai kolerasi tinggi dengan ramalan faktor ekonomi.

Maklumat mengenai ECL ke atas penghutang sumbangan Kumpulan Wang dinyatakan dalam Nota 5.

#### (iv) Penghutang belum dibilkan

Penghutang belum dibilkan terutamanya berkait dengan hak kepada balasan bagi sumbangan yang akan dibuat oleh pemegang lesen tetapi masih belum diberitahu pada tarikh pelaporan. Hak kepada balasan bagi sumbangan adalah berdasarkan Peraturan PPS, di mana Kumpulan Wang berhak untuk menganggarkan sumbangan bagi tahun kalender tertentu berdasarkan maklumat yang tersedia dan keputusan Kumpulan Wang adalah muktamad sekiranya RONR dan dokumentasi berkaitan tidak dikemukakan dalam jangka masa yang ditetapkan.

Sumbangan diiktiraf atas dasar akruan ke atas RONR tahunan pemegang lesen yang dinyatakan pada 6% atas wajaran hasil bersih tahun kalendar terdahulu. Oleh itu, jumlah penghutang belum dibilkan akan berdasarkan laporan RONR terkini yang diterima daripada pemegang lesen.

## 3. ASET CUKAI TERTUNDA

	2021 RM'000	2020 RM'000
Pada permulaan tahun	<b>3,540</b>	3,489
Diiktiraf dalam penyata pendapatan (Nota 12)	<b>(923)</b>	51
Pada akhir tahun	<b>2,617</b>	3,540

Aset cukai tertunda hanya terbit daripada perbezaan sementara daripada peruntukan bagi ECL penghutang sumbangan dan lain-lain penghutang.

## 4. LAIN-LAIN PELABURAN

	2021 RM'000	2020 RM'000
Ini terdiri daripada deposit berjangka dengan:		
- bank-bank berlesen	<b>10,041,357</b>	9,433,971

Deposit jangka pendek dengan bank-bank berlesen dibuat dengan tempoh matang berkisar daripada 3 hingga 12 bulan (2020: 3 hingga 12 bulan). Deposit menanggung purata wajaran kadar faedah sebanyak 2.23% (2020: 2.62%).

## 5. SUMBANGAN DAN LAIN-LAIN PENGHUTANG

	2021 RM'000	2020 RM'000
Penghutang sumbangan	<b>738,656</b>	789,435
Tolak: peruntukan bagi ECL (Nota b)	<b>(12,070)</b>	(15,145)
	<b>726,586</b>	774,290
Penghutang belum dibil (Nota a)	<b>26,103</b>	10,070
Jumlah sumbangan dan lain-lain penghutang	<b>752,689</b>	784,360
Tambah: Tunai dan setara tunai (Nota 6)	<b>85,355</b>	471,257
Jumlah aset kewangan pada kos dilunaskan	<b>838,044</b>	1,255,617

#### (a) Penghutang belum dibil

Penghutang belum dibil adalah terutamanya berkait dengan hak kepada balasan bagi sumbangan yang akan dibuat tetapi masih belum dibil kepada pemegang lesen pada tarikh pelaporan.

#### (b) Peruntukan bagi ECL

	2021 RM'000	2020 RM'000
Pada 1 Januari	<b>15,145</b>	14,964
Tambahan dalam tahun	-	510
Penarikbalikan dalam tahun	<b>(3,075)</b>	(329)
Pada 31 Disember	<b>12,070</b>	15,145

Analisis kerosotan nilai dilakukan pada setiap tarikh pelaporan menggunakan matriks peruntukan untuk mengukur ECL. Kadar peruntukan adalah berdasarkan hari-hari yang lampau tempoh disebabkan pengelompokan segmen pemegang lesen yang mempunyai corak kerugian yang serupa. Pengiraan menunjukkan kebarangkalian hasil wajaran, nilai masa wang dan maklumat yang munasabah dan boleh dipercayai yang tersedia pada tarikh pelaporan mengenai peristiwa lepas, keadaan semasa dan ramalan keadaan ekonomi masa hadapan. Pada amnya, penghutang diperuntukkan sekiranya tidak dibayar lebih daripada satu tahun dan tidak tertakluk kepada kegiatan penguatkuasaan.

## 5. SUMBANGAN DAN LAIN-LAIN PENGHUTANG (SAMB.)

### (b) Peruntukan bagi ECL (samb.)

Dikemukakan di bawah adalah maklumat pendedahan risiko kredit ke atas penghutang Kumpulan Wang mengguna matriks peruntukan:

**31 Disember 2021**

	Purata kadar ECL %	Amaun dibawa kasar RM'000	Peruntukan bagi ECL RM'000
1 hingga 30 hari	1%	23,088	327
31 hingga 60 hari	0.1%	168,949	114
61 hingga 90 hari	0.3%	306,269	937
91 hingga 120 hari	4%	5,954	223
121 hingga 365 hari	0.5%	224,963	1,036
Lebih daripada 365 hari	100%	9,433	9,433
		<b>738,656</b>	<b>12,070</b>

**31 Disember 2020**

	Purata kadar ECL %	Amaun dibawa kasar RM'000	Peruntukan bagi ECL RM'000
1 hingga 30 hari	4%	24,922	885
31 hingga 60 hari	0.5%	174,292	822
61 hingga 90 hari	1%	213,105	1,359
91 hingga 120 hari	1%	348,272	2,030
121 hingga 365 hari	5%	19,705	910
Lebih daripada 365 hari	100%	9,139	9,139
		<b>789,435</b>	<b>15,145</b>

## 6. TUNAI DAN SETARA TUNAI

	2021 RM'000	2020 RM'000
Tunai di bank	<b>1,259</b>	4,166
Deposit dengan bank-bank berlesen	<b>84,106</b>	467,091
Jumlah tunai dan setara tunai	<b>85,365</b>	471,257

Deposit dengan bank-bank berlesen dibuat bagi tempoh matang antara satu hari dan 3 bulan bergantung kepada keperluan tunai segera Kumpulan Wang dengan purata kadar faedah sebanyak 1.80% (2020: 1.70%).

Pada tarikh pelaporan, tunai Kumpulan Wang di baki bank diletakkan di bawah pengaturan menyeluruh dalam nama Suruhanjaya bagi pihak Kumpulan Wang.

Maklumat mengenai risiko kewangan tunai dan setara tunai adalah dinyatakan dalam Nota 14.

## 7. LAIN-LAIN PEMIUTANG

	2021 RM'000	2020 RM'000
Tuntutan PPS terakru	<b>229,753</b>	488,074
Pemiutang runcit	<b>148</b>	50
Jumlah lain-lain pemiutang, mewakili jumlah liabiliti kewangan pada kos dilunaskan	<b>229,901</b>	488,124

## 8. DANA TERKUMPUL

	2021 RM'000	2020 RM'000
Pada 1 Januari	<b>10,087,477</b>	9,404,652
Lebihan selepas cukai	<b>559,952</b>	682,825
Pada 31 Disember	<b>10,647,429</b>	10,087,477

Bayaran dari Dana PPS ditadbir oleh Peraturan-peraturan Komunikasi dan Multimedia (Pemberian Perkhidmatan Sejagat) 2002. Dana PPS hendaklah dibelanjakan bagi pendahuluan untuk projek PPS, tuntutan daripada pemberi perkhidmatan sejagat dinamakan dan pembayaran balik apa-apa sumbangan yang terlebih dibayar.

## 9. FI AUDIT

Fi audit sebanyak RM90,000 (2020: RM80,000) ditanggung oleh Suruhanjaya.

## 10. SUMBANGAN

Sumbangan mewakili dana yang diterima daripada pemegang lesen yang dikehendaki untuk menyumbang kepada Kumpulan Dana sebagaimana ditetapkan dalam lesen yang diberikan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia.

Tidak ada maklumat penyahagregatan yang akan dibentangkan disebabkan Kumpulan Wang hanya mempunyai satu sumber hasil. Sumbangan diiktiraf pada suatu ketika dalam masa.

Maklumat berkaitan dengan baki penghutang sumbangan yang terbit daripada kontrak pemegang lesen dinyatakan dalam Nota 5.

## 11. TUNTUTAN OLEH PENYEDIA PERKHIDMATAN

Ini berkait dengan kos projek-projek PPS, terdiri kedua-dua daripada modal dan perbelanjaan kendalian. Kos diiktiraf sebagai perbelanjaan apabila Kumpulan Wang telah menentusahkan progres projek dan berpuas hati dengan kelengkapan dokumentasi tuntutan yang diterima daripada penyedia perkhidmatan PPS.

## 12. PERBELANJAAN CUKAI

	2021 RM'000	2020 RM'000
Perbelanjaan cukai pendapatan		
- Tahun semasa	<b>247,776</b>	263,374
- Terkurang peruntukan dalam tahun terdahulu	<b>21,608</b>	3,884
	<b>269,384</b>	267,258
Perbelanjaan cukai tertunda (Nota 3)		
- Pengasalan dan penarikbalikan perbezaan sementara	<b>923</b>	(51)
<b>Jumlah perbelanjaan cukai</b>	<b>270,307</b>	267,207

Pendapatan boleh dikenakan cukai Kumpulan Wang dicukai pada kadar berskala yang terpakai kepada individu. RM1 juta pertama dikenakan cukai pada kadar yang ditentukan oleh pihak berkuasa cukai bagi setiap tahun taksiran. Pendapatan boleh dikenakan cukai bagi RM1 juta berikutnya dan melebihi RM2 juta dikenakan cukai pada kadar cukai berkanun masing-masing sebanyak 28% (2020: 28%) dan 30% (2020: 30%).

## 12. PERBELANJAAN CUKAI (SAMB.)

Penyelarasian perbelanjaan cukai pendapatan terpakai kepada lebihan sebelum cukai pada kadar cukai pendapatan berkanun kepada perbelanjaan cukai pendapatan pada kadar cukai pendapatan berkesan Kumpulan Wang adalah seperti berikut:

	2021 RM'000	2020 RM'000
Lebihan sebelum cukai	<b>830,259</b>	950,032
Cukai ke atas RM1,000,000 pertama	<b>238</b>	239
Cukai selebihnya pada kadar cukai berkanun sebanyak 28% dan 30%	<b>248,757</b>	265,728
Pendapatan tidak tertakluk kepada cukai	<b>(296)</b>	(2,644)
Terkurang peruntukan cukai pendapatan dalam tahun-tahun terdahulu	<b>21,608</b>	3,884
<b>Jumlah perbelanjaan cukai</b>	<b>270,307</b>	267,207

## 13. KOMITMEN

	2021 RM'000	2020 RM'000
Kos bagi pelaksanaan Pemberian Perkhidmatan Sejagat:		
Diluluskan tetapi tidak dianugerahkan	<b>4,630,000</b>	4,630,000
Dianugerahkan tetapi tidak diperuntukkan	<b>6,289,325</b>	4,416,982
	<b>10,919,325</b>	9,046,982

## 14. INSTRUMEN KEWANGAN

### (a) Objektif dan polisi pengurusan risiko kewangan

Kumpulan Wang terdedah kepada risiko kewangan yang terbit daripada operasi mereka dan penggunaan instrumen kewangan. Risiko kewangan utama termasuk risiko kadar faedah (kedua-dua nilai saksama dan aliran tunai), risiko mudah tunai dan risiko kredit.

Suruhanjaya mengkaji dan menyetujui polisi dan prosedur bagi pengurusan risiko-risiko ini, yang telah dilaksanakan oleh Pengerusi. Jawatankuasa audit menyediakan pengawasan bebas terhadap keberkesanan proses pengurusan risiko.

### (b) Risiko kadar faedah

Risiko kadar faedah adalah risiko yang nilai saksama atau aliran tunai masa hadapan instrumen kewangan Kumpulan Wang akan naik turun disebabkan perubahan dalam kadar faedah pasaran.

Pendedahan Kumpulan Wang kepada risiko kadar faedah timbul terutamanya daripada deposit dengan bank-bank dan institusi-institusi kewangan berlesen.

Faedah ke atas instrumen kewangan tertakluk kepada kadar faedah terapung telah diletak harga semula secara kontrak pada selang masa kurang daripada 7 hari (2020: kurang daripada 7 hari). Lain-lain instrumen kewangan Kumpulan Wang yang tidak tertakluk kepada kadar faedah terapung tidak akan tertakluk kepada risiko kadar faedah.

## 14. INSTRUMEN KEWANGAN (SAMB.)

### (c) Risiko kecairan

Risiko kecairan adalah risiko yang Kumpulan Wang tidak dapat memenuhi keperluan projeknya apabila tiba masanya. Pendedahan Kumpulan Wang kepada risiko kecairan timbul terutamanya daripada pelbagai pemutangnya.

Kumpulan Wang mengekalkan tahap wang tunai dan setara tunai yang mencukupi untuk memastikan, setakat yang mungkin, yang ia akan dapat memenuhi liabilitinya apabila tiba masanya.

Liabiliti Kumpulan Wang semuanya perlu dibayar dalam tempoh satu tahun selepas akhir tahun kewangan.

### (d) Risiko kredit

Risiko kredit adalah risiko kerugian kewangan kepada Kumpulan Wang sekiranya penyedia perkhidmatan atau pihak satu lagi kepada instrumen kewangan gagal untuk memenuhi obligasi-obligasi kontraknya. Pendedahan Kumpulan Wang kepada risiko kredit terbit terutamanya daripada penghutang sumbangan dan lain-lain penghutang dan deposit ditempatkan dengan bank-bank berlesen.

#### Sumbangan dan lain-lain penghutang

Pada tarikh pelaporan, pendedahan kredit maksimum ke atas penghutang adalah terhad kepada amaun dibawa penghutang tolak peruntukan bagi kerugian kredit yang dijangka.

Suruhanjaya telah mengambil langkah-langkah munasabah untuk memastikan agar penghutang yang tidak melepassi tempoh kena dibayar tidak juga rosot nilai dinyatakan pada nilai boleh direalisasinya.

Butir-butir mengenai kerugian kredit yang dijangka berhubung dengan penghutang dinyatakan dalam Nota 5.

Tempoh kredit Kumpulan Wang dengan pemegang lesen adalah pada amnya bagi tempoh 30 hari (2020: 30 hari), kecuali bagi pemegang lesen yang berhasrat untuk menyumbangkan dalam dua ansuran, di mana tempoh kredit bagi ansuran kedua biasanya bagi tempoh 180 hari (2020: 180 hari). Kumpulan Wang berusaha untuk mengekalkan kawalan ketat ke atas sumbangan yang belum dijelaskan dan mempunyai prosedur untuk meminimumkan risiko kredit. Baki tertunggak dikaji secara teratur oleh pengurusan kanan. Sebarang sumbangan belum dijelaskan yang mempunyai baki lampau tempoh lebih daripada 365 hari, yang dianggap mempunyai risiko kredit yang lebih tinggi, akan dipantau secara individu.

#### Deposit ditempatkan dengan bank-bank berlesen

Objektif, polisi dan proses pengurusan risiko bagi menguruskan risiko

Deposit dibenarkan untuk ditempatkan hanya dengan institusi-institusi kewangan

Pendedahan kepada risiko kredit, kualiti kredit dan kolateral

Pada akhir tempoh pelaporan, Kumpulan Wang hanya menempatkan deposit dengan bank-bank berlesen domestik. Pendedahan maksimum kepada risiko kredit timbul daripada deposit yang ditempatkan dengan bank-bank berlesen yang diwakili oleh amaun dibawa dalam penyata kedudukan kewangan.

### (e) Nilai saksama instrumen kewangan

Amaun dibawa tunai dan setara tunai, sumbangan dan lain-lain penghutang dan lain-lain pemutang secara munasabah menyamai nilai saksamanya disebabkan oleh kematangan yang agak jangka pendek instrumen-instrumen kewangan ini.

## 15. PIHAK-PIHAK BERKAITAN

### Identiti pihak-pihak berkaitan

Untuk tujuan penyata kewangan ini, pihak-pihak dianggap sebagai berkaitan kepada Kumpulan Wang sekiranya Kumpulan Wang mempunyai keupayaan, secara langsung atau tidak langsung, untuk mengawal atau secara bersama mengawal pihak atau melaksanakan pengaruh penting ke atas pihak dalam membuat keputusan kewangan dan kendalian, atau vice versa, atau di mana Kumpulan Wang dan pihak adalah tertakluk kepada kawalan bersama. Pihak-pihak berkaitan mungkin individu atau lain-lain entiti.

Pihak-pihak berkaitan juga termasuk personel pengurusan penting ditakrifkan sebagai orang-orang yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab bagi merancang, mengarah dan mengawal kegiatan-kegiatan Kumpulan Wang sama ada secara langsung atau tidak langsung. Personel pengurusan penting termasuk semua Anggota Suruhanjaya dan pengurusan kanan Suruhanjaya.

Kerajaan Malaysia ("GOM") termasuk entiti yang dikawal, dikawal secara bersama atau di bawah pengaruh penting oleh GOM dianggap sebagai pihak-pihak berkaitan Suruhanjaya. Semua urus niaga yang diproses oleh Suruhanjaya bagi entiti yang berkaitan dengan GOM adalah dilaksanakan dalam perjalanan biasa perniagaan.

Tidak ada urus niaga pihak berkaitan dalam tahun kewangan semasa dan terdahulu selain daripada yang dinyatakan di bahagian lain dalam penyata kewangan.

## 16. URUS NIAGA DENGAN PERSONEL PENGURUSAN PENTING

Tidak ada urus niaga dengan personel pengurusan penting dalam tahun kewangan semasa dan terdahulu. Imbuhan personel pengurusan penting dibayar oleh Suruhanjaya.

## 17. POLISI PENGURUSAN DANA

Objektif utama pengurusan dana Kumpulan Wang adalah untuk memastikan bahawa ia dapat memenuhi keperluan projeknya bila dan apabila tiba masanya dan untuk mencapai objektif operasinya.

Kumpulan Wang mengurus dana terkumpulnya dengan memperuntukkan dahulu perbelanjaan keperluannya dan menyelaraskan perbelanjaannya sebagaimana diperlukan. Kumpulan Wang terus memantau belanjawannya terhadap keputusan sebenar dan mengenal pasti kecekapan dalam operasinya.

Tiada perubahan telah dibuat dalam objektif, polisi atau proses dalam tahun-tahun berakhir 31 Disember 2021 dan 2020.